

**KEBERKESANAN PENGURUSAN PEMULIHARAAN PENJARA LAMA JUGRA DI
KUALA LANGAT, SELANGOR.**


NUR LIANA BINTI FIRDAUS

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN

2022/2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KEBERKESANAN PENGURUSAN PEMULIHARAAN PENJARA LAMA JUGRA DI
KUALA LANGAT, SELANGOR.**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR LIANA BINTI FIRDAUS

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022/2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana – mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____.

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmii 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



NUR LIANA BINTI FIRDAUS

Tarikh: 16 Februari 2023

Tandatangan Penyelia

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

Nota* Sekiranya tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab – sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Keberkesanan Pungurusan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat, Selangor” telah disediakan oleh (**NUR LIANA BINTI FIRDAUS**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Sahrudin Bin Mohamed Som)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan selamat sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya telah berjaya menyempurnakan projek penyelidikan ini pada waktu yang telah ditetapkan meskipun terdapat beberapa cabaran yang harus ditempuh dalam usaha untuk melengkapannya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Encik Sahrudin Bin Mohamed Som yang merupakan penyelia projek penyelidikan saya atas bimbingan, tunjuk ajar dan bantuan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Saya sangat berterima kasih kepada beliau kerana selalu memberikan pandangan berhubung kajian yang dijalankan agar sentiasa ditambah baik. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal serta memberikan dorongan semangat agar saya tidak berputus asa untuk menyelesaikan projek penyelidikan ini. Terima kasih juga kerana telah menyediakan segala keperluan dan memberi bantuan agar kajian ini berjalan dengan baik tanpa sebarang masalah.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesulitan dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga setiap bantuan dan kerjasama yang diberikan ini mampu menyumbang ilmu pengetahuan terhadap dunia sejarah dan warisan kepada negara Malaysia.

**Keberkesanan Pengurusan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat,
Selangor.**

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai ‘Keberkesanan Pungurusan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat, Selangor’. Pengkaji memilih kajian ini kerana ingin mengetahui keberkesanan pemuliharaan yang dijalankan ke atas Penjara Lama Jugra yang menggunakan pendekatan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*). Kajian ini juga dijalankan untuk mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengkaji nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra. Seterusnya adalah untuk mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra. Obejektif ketiga pula adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mengumpul serta mendapatkan segala maklumat. Kaedah yang digunakan adalah seperti kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan juga kaedah secara tinjauan menggunakan borang soal selidik. Hasil daripada kajian mendapati bahawa pemuliharaan yang dijalankan ke atas Penjara Lama Jugra dapat memberi manfaat yang baik terhadap orang awam.

Kata kunci: pemulihraan, Penjara Lama Jugra, penyesuaian semula, nilai, warisan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Effectiveness of Conservation Management of Old Jugra Prison in Kuala Langat,
Selangor.**

ABSTRACT

This Research Project is a study on the 'Effectiveness of the Conservation Management of Old Jugra Prison in Kuala Langat, Selangor'. The researcher chose this study because he wanted to know the effectiveness of the conservation carried out on Jugra Old Prison which uses the 'Adaptive-Reuse' approach. This study was also carried out to achieve the set objective which is to study the value of the heritage significance found in Jugra Old Prison. Next is to identify the approach used in the conservation of Jugra Old Prison. The third objective is to find out the level of effectiveness of Jugra Old Prison conservation for the public. In this study, the researcher will use qualitative methods and quantitative methods to collect and obtain all information. The methods used are such as interview methods, observation methods and also survey methods using questionnaires. The results of the study found that the conservation carried out on Jugra Old Prison can provide good benefits to the public.

Keywords: conservation, Jugra Old Prison, re-adaptation, value, heritage.

ISI KANDUNGAN**KANDUNGAN****MUKA SURAT****PENGHARGAAN**

i

ABSTRAK

ii

ABSTRACT

iii

ISI KANDUNGAN

iv

SENARAI JADUAL

ix

SENARAI GAMBAR

x

SENARAI PETA

xii

SENARAI RAJAH

xii

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	6
1.3 Permasalahan Kajian.....	8
1.4 Persoalan Kajian.....	10
1.5 Objektif Kajian.....	11
1.6 Skop Kajian.....	12
1.7 Kepentingan Kajian.....	13
1.8 Rumusan Bab.....	14

BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan.....	15
2.2 Definisi Bangunan Warisan.....	16
2.2.1 Pemuliharaan Bangunan Warisan.....	19
2.2.2 Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah.....	20
2.3 Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah.....	22
2.3.1 Kepentingan Transformasi Terhadap Bangunan Warisan Bersejarah.....	24
2.4 Kepentingan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah.....	27
2.4.1 Prinsip, Falsafah, Etika Pemuliharaan Bangunan Bersejarah.....	28
2.5 Pendekatan Dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah.....	30
2.6 Rumusan Bab.....	45

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan.....	47
3.2 Rekabentuk Kajian.....	47
3.3 Pendekatan Kajian.....	48
3.4 Kaedah Kajian.....	48
3.4.1 Kaedah Kualitatif.....	49
3.5 Teknik Pengumpulan Data.....	49
3.5.1 Data Primer.....	49

3.5.2 Data Sekender.....	50
3.5.3 Persampelan.....	50
3.6 Instrumen Kajian.....	51
3.6.1 Kajian Perpustakaan.....	51
3.6.2 Internet.....	51
3.6.3 Kaedah Temu Bual.....	51
3.6.4 Kaedah Pemerhatian.....	52
3.6.5 Kaedah Fotografi.....	52
3.7 Analisis Data.....	53
3.8 Rumusan Bab.....	54

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	55
4.2 Analisis Demografi Informan.....	57
4.3 Dapatan Kajian 1: Nilai Kepentingan Warisan Yang Terdapat Pada Penjara Lama Jugra.....	58
4.3.1 Nilai Sejarah.....	58
4.3.2 Nilai Arkeologi.....	62
4.3.3 Nilai Estetik.....	68
4.4 Dapatan Kajian 2: Pendekatan Yang Digunakan Dalam Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.....	69
4.5 Dapatan Kajian 3: Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam.....	75
4.5.1 Analisis Data Temu Bual.....	75

4.5.2 Analisis Data Soal Selidik.....	76
4.5.3 Bahagian A: Profil Demografi Responden.....	76
4.5.3.1 Demografi Responden Jantina.....	77
4.5.3.2 Demografi Responden Umur.....	78
4.5.3.3 Demografi Responden Pekerjaan.....	80
4.5.3.4 Demografi Responden Bangsa.....	81
4.5.3.5 Demografi Responden Status.....	83
4.5.4 Bahagian B: Analisis Pengetahuan Responden.....	84
4.5.4.1 Responden Yang Pernah Dan Tidak Pernah Mengunjungi Muzium Insitu Jugra.....	84
4.5.4.2 Pengetahuan Responden Mengenai Muzium Insitu Jugra Sebelum Ini Merupakan Penjara Lama Jugra.....	86
4.5.4.3 Pengetahuan Responden Mengetahui Mengenai Kewujudan Muzium Insitu Jugra.....	87
4.5.5 Dapatan Kajian 3: Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam.....	89
4.5.5.1 Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Menjadi Muzium Insitu Jugra Berkesan Terhadap Orang Awam.....	89
4.5.5.2 Perubahan Ynag Paling Ketara Daripada Hasil Pemulihraan Penjara Lama Jugra.....	91
4.5.5.3 Pendekatan Pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (Adaptive-Reuse) Memberi Manfaat Yang Baik Kepada Masyarakat...	93
4.5.5.4 Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.....	95

4.5.5.5 Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam.....	97
4.6 Rumusan Bab.....	99
BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN & CADANGAN	
5.1 Pengenalan.....	100
5.2 Perbincangan.....	101
5.2.1 Perbincangan Objektif Kajian 1: Nilai Kepentingan Warisan Yang Terdapat Pada Penjara Lama Jugra.....	101
5.2.2 Perbincangan Objektif Kajian 2: Pendekatan Yang Digunakan Dalam Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.....	103
5.2.3 Perbincangan Objektif Kajian 3: Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam.....	103
5.3 Rumusan.....	105
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan.....	106
5.5 Rumusan Bab.....	108
Bibliografi	109
Lampiran	112

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pemuliharaan (<i>Conservation</i>)	31
Jadual 2.2: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pencegahan (<i>Prevention</i>)	32
Jadual 2.3: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengekalan (<i>Preservation</i>)	34
Jadual 2.4: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengukuhan (<i>Consolidation</i>)	36
Jadual 2.5: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengembalian Semula (<i>Restoration</i>)	38
Jadual 2.6: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pemulihan (<i>Rehabilitation</i>)	40
Jadual 2.7: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengeluaran Semula (<i>Reproduction</i>)	42
Jadual 2.8: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pembinaan Semula (<i>Reconstruction</i>)	43
Jadual 4.1: Maklumat informan yang terlibat dalam kajian	57
Jadual 4.2: Taburan Responden Berdasarkan Jantina	77
Jadual 4.3: Taburan Responden Berdasarkan Umur	78
Jadual 4.4: Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan	80
Jadual 4.5: Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	81
Jadual 4.6: Taburan Responden Berdasarkan Status	83
Jadual 4.7: Taburan Responden Yang Pernah Dan Tidak Pernah Mengunjungi Muzium Insitu Jugra, Banting	84
Jadual 4.8: Taburan Pengetahuan Responden Mengenai Muzium Insitu Jugra Sebelum Ini Merupakan Penjara Lama Jugra	86
Jadual 4.9: Taburan Pengetahuan Responden Mengetahui Mengenai Kewujudan Muzium Insitu Jugra	87
Jadual 4.10: Taburan Responden Berdasarkan Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Menjadi Muzium Insitu Jugra Ini Berkesan Terhadap Orang Awam	89

Jadual 4.11: Taburan Responden Berdasarkan Perubahan Yang Paling Ketara Daripada Hasil Pemuliharaan Penjara Lama Jugra	91
Jadual 4.12: Taburan Responden Berdasarkan Pendekatan Pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (<i>Adaptive-Reuse</i>) Memberi Manfaat Yang Baik Kepada Masyarakat Sekeliling	93
Jadual 4.13: Taburan Responden Berdasarkan Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra	95
Jadual 4.14: Taburan Responden Berdasarkan Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Jugra Ini Terhadap Orang Awam	97

SENARAI GAMBAR

Gambar 1.1 Penjara Lama Jugra (Tahun 1878-1890)	5
Gambar 1.2 Muzium Insitu Jugra (Tahun 2007 sehingga kini)	5
Gambar 2.1: Contoh Bangunan Warisan (Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur)	17
Gambar 2.2: Contoh Bangunan Warisan (Muzium Diraja Kedah - Istana Pelamin)	18
Gambar 2.3: Stesen Keretapi Ipoh	33
Gambar 2.4: Mahkamah Batu Gajah	35
Gambar 2.5: Fort Cornwallis, Georgetown, Pulau Pinang	37
Gambar 2.6: Rumah Penghulu Abu Seman, Kuala Lumpur	39
Gambar 2.7: Pasar Seni, Kuala Lumpur	41
Gambar 2.8: Istana Kesultanan Melayu Melaka di Bandar Hilir, Melaka	44
Gambar 4.1: Kapten Harry Charles Syers	58
Gambar 4.2: Lokap bagi menempatkan banduan	59

Gambar 4.3: Ruang tempat menyimpan senjata	60
Gambar 4.4: Keadaan di dalam ruang penyimpanan	60
Gambar 4.5: Rumah Pasung	61
Gambar 4.6: Penyelidikan Ekskavasi Arkeologi di Penjara Lama Jugra	62
Gambar 4.7: Tangga Batu	63
Gambar 4.8: Pejabat Daerah Lama	64
Gambar 4.9: Stor Peluru	64
Gambar 4.10: Perigi Lama	65
Gambar 4.11: Jumpaan seramik semasa aktiviti arkeologi dijalankan	66
Gambar 4.12: Jumpaan syiling semasa aktiviti arkeologi dijalankan	66
Gambar 4.13: Perigi	67
Gambar 4.14: Batu Pejal (Granite) yang digunakan	68
Gambar 4.15: Keadaan Penjara Lama Jugra ketika dijumpai oleh Ahli Arkeologi Muzium Negeri Selangor	70
Gambar 4.16: Setelah dipulihara menjadi Muzium Insitu Jugra	71
Gambar 4.17: Galeri A yang mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan dengan sejarah pemerintahan Sultan Selangor dan sejarah Daerah Kuala Langat	72
Gambar 4.18: Galeri B yang mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan dengan proses konservasi bangunan hasil kerja penggalian atau ekskavasi	73
Gambar 4.19: Galeri C yang mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan dengan monumen-monumen bersejarah di Daerah Kuala Langat	73
Gambar 4.20: Kereta Perisai (GMC 15 CWT)	74

SENARAI PETA

Peta 1.1: Bandar Jugra	12
------------------------	----

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian	46
Rajah 4.1: Peratus Responden Berdasarkan Jantina	77
Rajah 4.2: Peratus Responden Berdasarkan Umur	79
Rajah 4.3: Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan	80
Rajah 4.4: Peratus Responden Berdasarkan Bangsa	82
Rajah 4.5: Peratus Responden Berdasarkan Status	83
Rajah 4.6: Peratus Responden Yang Pernah Dan Tidak Pernah Mengunjungi Muzium Insitu Jugra, Banting	85
Rajah 4.7: Peratus Pengetahuan Responden Mengenai Muzium Insitu Jugra Sebelum Ini Merupakan Penjara Lama Jugra	86
Rajah 4.8: Peratus Pengetahuan Responden Mengetahui Mengenai Kewujudan Muzium Insitu Jugra	88
Rajah 4.9: Graf Responden Berdasarkan Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Menjadi Muzium Insitu Jugra Ini Berkesan Terhadap Orang Awam	90
Rajah 4.10: Graf Responden Berdasarkan Perubahan Yang Paling Ketara Daripada Hasil Pemuliharaan Penjara Lama Jugra	91
Rajah 4.11: Graf Responden Berdasarkan Pendekatan Pemuliharaan 'Penyesuaian Semula' (<i>Adaptive-Reuse</i>) Memberi Manfaat Yang Baik Kepada Masyarakat Sekeliling	93

Rajah 4.12: Graf Responden Berdasarkan Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat

Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Bangunan Ini

95

Rajah 4.13: Graf Responden Berdasarkan Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara

Jugra Ini Terhadap Orang Awam

97

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tajuk kajian yang dipilih adalah ‘Keberkesanan Pungurusan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat, Selangor’.

Warisan secara umumnya merupakan peninggalan yang berkaitan dengan apa jua. Peninggalan yang telah diperturunkan dari generasi terdahulu kepada satu generasi akan datang. Warisan adalah apa sahaja tinggalan turun temurun yang merupakan sesuatu yang semula jadi atau buatan yang nampak atau tidak nampak dan yang alih atau tidak alih. Warisan ini juga membawa maksud dengan apa sahaja yang telah dihasilkan masyarakat terdahulu. Sesuatu yang menjadi kegunaan harian dan menjadi sebahagian alat dalam meneruskan kehidupan mereka (Akta 179, Harta Benda Purba, 1976). Akta Warisan Kebangsaan, 2005 menyatakan bahawa warisan adalah warisan kebangsaan, objek warisan, tapak warisan, warisan budaya bawah air dan orang yang masih hidup yang telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Maksud dari kenyataan ini terkandung di dalam Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan. Secara ringkasnya, warisan merupakan sesuatu peninggalan dari satu generasi kepada satu generasi melalui segala hasil kreativiti , perbuatan tangan, pemikiran dan falsafah mereka. Cara masyarakat dalam meneruskan kehidupan mereka dan mengubahnya mengikut setiap situasi dan cabaran dalam kehidupan yang dijalankan juga menggambarkan makna warisan itu sendiri.

Tapak Warisan pula adalah sesuatu yang mengandungi nilai sejarahnya yang sangat tinggi dan ia juga sesuatu diwarisi daripada generasi terdahulu. Seterusnya, ia juga disebut sebagai sesuatu tempat atau kawasan yang mempunyai ciri-ciri budaya, warisan atau fizikal yang unik. Sebagai contoh, bangunan, kompleks, monumen, bandar, hutan, padang pasir, tasik dan gunung.

Jugra merupakan sebuah bandar di daerah Kuala Langat, Selangor, Malaysia. Berikut merupakan lokasi yang berhampiran dengan bandar Jugra. Antaranya ialah Jenjarom, Pulau Carey, Sungai Buaya dan Kanchong Darat. Bandar Jugra ini berhadapan dengan Selat Melaka dan dekat dengan muara Sungai Langat. Bandar ini meliputi kawasan-kawasan seperti Bukit Jugra, Kampung Sungai Arak, Kampung Chodoi, Pantai Kelanang. Pada tahun 1859-1898 iaitu pada zaman Selangor diperintah Sultan Abdul Samad, Bukit Jugra itu merupakan tempat Sultan Selangor bersemayam. Pada ketika itu juga Rumah api Bukit Jugra telah dibina di puncak bukitnya.

Bukit Jugra adalah tempat yang strategik kerana lokasinya yang dekat dengan laut dan berhadapan dengan perairan Selat Melaka serta bukit ini juga ingin dimajukan dan dijadikan sebagai kota maritim. Bukit Jugra mempunyai beberapa punca bukit yang menempatkannya. Antaranya adalah seperti Makam-makam diraja negeri Selangor, bangunan lama kerabat diraja dan para pembesar, Rumah api Bukit Jugra setinggi 146 meter yang dibina pada tahun 1976 dan ia ditadbir oleh Jabatan Marin Malaysia, istana yang dibina oleh Sultan Abdul Samad pada tahun 1976, pada 1898 istana tersebut yang diberi nama Istana Jugra dijadikan tempat pertabalan Sultan Alauddin Sulaiman Shah iaitu Sultan Selangor yang ke-5 dan Penjara Jugra atau Balai Polis atau Rumah Pasung yang kini dikenali sebagai Muzium Insitu Jugra.

Penjara Lama Jugra atau Balai Polis atau Rumah Pasung yang kini dikenali sebagai Muzium Insitu Jugra. Bangunan ini telah dibina sejak Zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad lagi. Pada ketika itu Bandar Jugra merupakan pusat bagi pemerintahan Sultan Selangor yang menempatkan banduan. Penjara Lama Jugra ini terletak berdekatan dengan Pengkalan Batu Hampar. Bangunan ini mempunyai keunikannya tersendiri, bahan binaan yang digunakan adalah batu pejal (granit) berbentuk empat segi dan pembinaannya menggunakan teknologi baharu yang moden. Penjara Lama Jugra ini mempunyai dua tingkat. Bahagian tingkat atasnya merupakan mahkamah dan di bahagian bawahnya pula merupakan penjara bagi pesalah yang telah disabitkan kesalahan ke atasnya. Bangunan ini telah dipakai menjadi penjara hingga tahun 1890 kerana pada ketika itu penjara Pudu telah dibina.

Penjara Lama Jugra ini adalah penjara yang pertama yang telah dibina di negeri Selangor. Penjara ini membuktikan bahawa sejak awal pemerintahan lagi negeri Selangor telah menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama serta negeri ini juga telah hidup di bawah undang-undang berkerajaan. Penjara Lama Jugra ini merupakan sebuah bangunan yang mempunyai fungsi sebagai tempat untuk menjalankan hukuman bagi pesalah-pesalah menerusi sistem yang telah digunakan kehakiman British pada ketika itu. Selain menjadi tempat tahanan sementara kepada pesalah, bangunan ini juga dipercayai pernah dijadikan sebagai tempat menjalankan hukuman gantung.

Pada tahun 2000, Penjara Lama Jugra ini telah dijumpai oleh ahli arkeologi Muzium Negeri Selangor. Proses kerja pemuliharaan telah dimulakan pada penjara ini dan pada bulan Disember tahun 2007 ia telah dibuka dan dijadikan sebagai Muzium Insitu Jugra oleh pihak Lembaga Muzium Selangor (PADAT). Muzium Insitu Jugra telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Y.B Tan Sri Dato' Sri Mohd Khalid Ibrahim pada 24 Mac 2012. Terdapat tiga buah balai pameran di dalam muzium ini yang mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan dengan sejarah pemerintahan Sultan Selangor, maklumat berkenaan daerah Kuala Langat, maklumat mengenai hasil kerja penggalian atau ekskavasi di persekitaran muzium seperti strukur bagi binaan mahkamah mini, penjara dan perigi. Muzium Insitu Jugra ini juga mempunyai tapak pameran khas yang mempamerkan sebuah kereta perisai (GMC 15 CWT) di luar bangunan. Pada sekitar tahun 1948-1960 kereta perisai ini digunakan oleh Polis Persekutuan Tanah Melayu pada zaman darurat. Kereta perisai ini merupakan tarikan utama pelancong atau pengunjung sekitar dia diletakkan di bahagian hadapan muzium.

Jabatan Warisan Negara telah mewartakan Muzium Insitu Jugra ini sebagai bangunan warisan pada 19 November tahun 2002.



Gambar 1.1: Penjara Lama Jugra (Tahun 1878-1890)

Sumber: Internet



Gambar 1.2: Muzium Insitu Jugra (Tahun 2007 sehingga kini)

Sumber: Internet

1.2 Latar Belakang Kajian

Penjara Lama Jugra atau Balai Polis atau Rumah Pasung yang kini dikenali sebagai Muzium Insitu Jugra telah dibina sejak Zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad lagi. Pada ketika itu Jugra merupakan pusat bagi pemerintahan Sultan Selangor yang menempatkan banduan. Penjara Lama Jugra ini adalah penjara yang pertama di Selangor. Bangunan ini mempunyai dua tingkat. Bahagian tingkat atasnya merupakan mahkamah dan di bahagian bawahnya pula merupakan penjara bagi pesalah yang telah dijatuhkan hukuman pada ketika itu. Pada tahun 2000, ahli arkeologi Muzium Negeri Selangor telah menemui Penjara Lama Jugra ini. Proses kerja pemuliharaan telah dimulakan pada penjara ini dan pada bulan Disember tahun 2007, penjara ini telah dibuka dan dijadikan sebagai Muzium Insitu Jugra oleh pihak Lembaga Muzium Selangor (PADAT). Terdapat tiga buah balai pameran di dalam muzium ini yang memperkenalkan pelbagai maklumat berkaitan dengan sejarah pemerintahan Kesultanan Selangor, maklumat berkenaan daerah Kuala Langat, maklumat mengenai hasil kerja ekskavasi di kawasan muzium seperti struktur bagi binaan mahkamah mini, penjara, dan perigi. Muzium ini juga mempunyai tempat khas yang memperkenalkan kereta perisai. Muzium Insitu Jugra ini telah diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara sebagai bangunan warisan pada 19 November tahun 2002.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek keberkesanan terhadap pengurusan pemuliharaan Penjara Lama Jugra. Bagi mengenali atau mengkaji lebih lanjut berkenaan keberkesanan pungurusan pemuliharaan tersebut, kajian ini telah dimulakan dengan mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra tersebut. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tentang pendekatan pemuliharan yang telah digunakan dalam kerja-kerja pemuliharaan Penjara Lama Jugra yang kini telah bertukar fungsi menjadi Muzium Insitu Jugra.

Antara sebab kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji nilai kepentingan warisan yang ada pada Penjara Lama Jugra tersebut. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengetahui apakah masih terdapat nilai kepentingan warisan terhadap penjara itu setelah ia dipulihara dan diubahsuai guna menjadi Muzium Insitu Jugra. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang telah digunakan dalam proses kerja-kerja pemuliharaan Penjara Lama Jugra itu dan ingin mengetahui adakah pendekatakan yang digunakan berjaya dalam mengekalkan nilai warisannya dari pelbagai aspek. Pengkaji juga ingin mengetahui tahap keberkesanan pengurusan pemuliharaan Penjara Lama Jugra ini. Adakah ia berkesan dalam mengubahsuai guna Penjara Lama Jugra dari pandangan masyarakat yang berdekatan. Adakah proses kerja-kerja pemuliharaan bangunan tersebut memberi manfaat kepada para pengunjung.

1.3 Permasalahan Kajian

Penjara Lama Jugra ini dijumpai oleh ahli arkeologi Muzium Negeri Selangor pada tahun 2000 dan proses kerja pemuliharaan telah dilaksanakan pada penjara ini. Pada Disember tahun 2007, penjara ini telah dibuka semula dan dijadikan sebagai Muzium Insitu Jugra oleh pihak Lembaga Muzium Selangor (PADAT). Usaha dalam kerja pemuliharaan Penjara Lama Jugra yang dijalankan telah melibatkan beberapa pendekatan. Pendekatan merupakan tindakan-tindakan dalam bentuk proses kerja pemuliharaan bangunan warisan. Pendekatan pemuliharaan sangat penting dalam proses kerja pemuliharaan atau pemeliharaan bangunan. Dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan terdapat tafsiran yang menerangkan tentang pendekatan pemuliharaan ini. Antara pendekatan yang terdapat dalam proses kerja pemuliharaan adalah pendekatan Pemeliharaan (*Preservation*), Pembaikpulihan (*Restoration*), Pembinaan semula (*Reconstruction*), Pemulihan (*Rehabilitation*) dan Penyesuaian (*Adaptation*). Selain itu, terdapat juga beberapa pendekatan yang ditambahbaik dalam terbitan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006. Antaranya adalah pendekatan Pencegahan (*Prevention*), Pengukuhan (*Consolidation*), Pengeluaran semula (*Reproduction*) dan Penyenggaraan (*Maintenance*).

Aktiviti atau kerja-kerja pemuliharaan terhadap bangunan warisan adakalanya ia memberi keburukan lebih dari kebaikan kepada sesebuah bangunan warisan. Hal ini akan berlaku jika pelaksanaannya tidak mengikut pendekatan konservasi yang betul. Perkara ini boleh menyebabkan hilangnya nilai warisan pada bangunan tersebut (Jabatan Warisan Negara, 2020).

Selain itu, pengurusan pemuliharaan melibatkan kerja penambahbaikan dan proses yang dijalankan merupakan sesuatu yang sensitif pada setiap bangunan warisan. Perkara ini dikhuatiri akan menyebabkan terganggunya nilai keaslian bangunan tersebut dari segi seni bina dalam reka bentuk bangunannya.

Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra. Apakah proses pemuliharaan bangunan ini menggunakan pendekatan yang sesuai. Adakah pendekatan konservasi yang digunakan ini tidak mengganggu nilai dan keaslian bangunan warisan Penjara Lama Jugra tersebut.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan bagi kajian ini. Iaitu:

- I. Apakah nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra.
- II. Apakah pendekatan yang digunakan di dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra.
- III. Apakah tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.5 Objektif Kajian


Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- I. Mengkaji nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra.
- II. Mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra.
- III. Mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan dilakukan ke atas bangunan warisan bersejarah yang terdapat di Bandar Jugra iaitu Penjara Lama Jugra yang telah diubah suai guna menjadi Muzium Insitu Jugra pada masa kini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek keberkesanan pemuliharaan bagi mengenali tahap keberkesanan kerja pemuliharaan yang dilakukan ke atas Penjara Lama Jugra. Kajian ini telah dimulakan dengan mengenalpasti nilai kepentingan yang terdapat pada penjara tersebut. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui pendekatan kajian yang telah digunakan dalam kerja-kerja pemuliharaan Penjara Lama Jugra yang telah diubah guna menjadi Muzium Insitu Jugra pada masa kini.



Peta 1.1: Bandar Jugra

Sumber: Internet

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan yang terdapat dalam kajian ini adalah untuk mengetahui dan merekod maklumat berkenaan tahap keberkesanan pengurusan pemuliharaan Penjara Lama Jugra. Selain itu, kajian ini juga penting untuk dijadikan sebagai satu sumber rujukan kepada orang awam mengenai nilai kepentingan warisan yang ada dalam sesebuah bangunan warisan. Oleh itu, dengan adanya kajian ini pengkaji dapat mengetahui secara lebih terperinci berkenaan keadaan bagi bangunan warisan Penjara Lama Jugra tersebut dari segi keberkesanan pengurusan pumuliharaannya.

Seterusnya, kajian ini juga sangat diharapkan dapat membantu para pelajar atau pengkaji untuk menjalankan sebarang penyelidikan yang berkaitan pengurusan pemuliharaan bangunan warisan. Segala maklumat yang diperolehi dapat digunakan sebagai rujukan yang penting bagi kajian yang dilakukan oleh para pelajar dan pengkaji. Oleh itu, pengkaji ingin memastikan kajian yang dilakukan dapat memberi ilmu berkaitan dengan bangunan warisan secara meluas dan dimanfaatkan dengan baik oleh para pelajar dan pengkaji pada masa akan datang.

1.8 Rumusan Bab

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan yang ada pada kajian dan definisi istilah yang telah digunakan dalam penyelidikan ini. Dari bab ini, pengkaji dapat mengetahui dan memahami sedikit sebanyak berkenaan dengan tempat kajian, sejarah Penjara Lama Jugra tersebut dan banyak lagi sebelum kajian dijalankan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas adalah suatu bentuk pembacaan ilmiah yang berkaitan dengan kajian lepas daripada pelbagai sumber seperti artikel, buku, jurnal dan sebagainya. Sorotan artikel ini juga berpandukan kepada beberapa artikel kajian terdahulu yang telah ditemui oleh pengkaji. Dalam bab ini terdapat penerangan berkaitan dengan sorotan kajian lepas yang dijalankan berdasarkan tajuk yang dipilih oleh pengkaji ‘Keberkesanan Pengurusan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat, Selangor’. Antaranya adalah seperti ‘Bangunan Warisan’, ‘Pemuliharaan Bangunan Warisan’, ‘Pemuliharaan Bangunan Warisan dari Aspek Sejarah’, ‘Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah’, ‘Kepentingan Transformasi Terhadap Bangunan Warisan Bersejarah’, ‘Kepentingan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah’, ‘Prinsip, Falsafah Dan Etika Pemuliharaan Bangunan Bersejarah’ dan ‘Pendekatan dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah’. Dengan ini, pengkaji dapat mengaitkan sedikit sebanyak kajian ini dengan kajian yang sebenar.

2.2 Bangunan Warisan

Warisan mempunyai dua jenis, antaranya adalah warisan ketara iaitu sesuatu yang boleh disentuh dan kekal. Warisan tidak ketara pula, ia tidak boleh disentuh dan dilihat. Bangunan warisan adalah warisan yang disebut warisan ketara. Hal ini kerana bangunan warisan adalah sesuatu yang boleh disentuh, dilihat dan kekal (Wilson, R, 2009). Bangunan warisan merupakan satu atau kumpulan bangunan yang mempunyai nilai yang penting dalam seni bina dan sejarah bangunan tersebut (Jabatan Warisan Negara, 2005). Menurut Syed Ahmad Iskandar Syed Arrifin et.al (2005) pula, bangunan warisan juga membawa maksud sebagai benda bersejarah, monumen lama, benda purba dan tapak bersejarah.

Bangunan warisan juga disebut sebagai bangunan peninggalan orang terdahulu yang mempunyai nilai kepentingannya dalam pengembangan dan pemahaman sejarah, kebudayaan, pelancongan dan ilmu pengetahuan. Bangunan warisan perlulah dipulihara dan dilindungi untuk memupuk jati diri, kesedaran masyarakat dan kepentingan nasional. Kebanyakan bangunan warisan yang terdapat di Malaysia telah dipulihara dan diubah suai seperti bangunan-bangunan di Kuala Lumpur, Melaka, George Town dan Taiping. Tujuan bangunan warisan dibaik pulih adalah untuk menarik perhatian para pelancong (A Ghafar Ahmad, 2006). Menurut Ahmad Sanusi Hassan et.al. (2008), banyak bangunan warisan bersejarah yang telah diubahsuai guna dan dijadikan sebagai Muzium, kedai cenderamata, balai seni lukis, kafe dan banyak lagi. Tujuan bangunan warisan ini diubah suai guna adalah untuk dijadikan sebagai tempat tumpuan bagi para pelancong.

Bangunan warisan bersejarah yang terdapat di Malaysia harus dipelihara dan diselenggara dengan baik kerana ia mempunyai kepentingan sejarah dan budayanya yang tersendiri

(Wendy Khadijah Moore, 2004). Menurut Warren,j. (2004), kehilangan sesebuah bangunan warisan adalah amat merugikan. Bangunan warisan adalah antara warisan berharga yang mudah reput dan harus dipulihara pada hari ini. Bangunan warisan akan mengalami kerosakan dan berlakunya kemusnahan jika ia tidak dipelihara dan dipulihara dengan baik (Robertson, J.H., 2007). Pengekalan warisan merupakan proses kerja baik pulih tapak sejarah seperti mengekalkan bangunan warisan tersebut dengan tidak mengubah reka bentuk seni binanya dan bahan pembinaan yang diguna harus sama atau serupa dengan bahan asalnya (Perbadanan Muzium Melaka, 2006).



Gambar 2.1: Contoh Bangunan Warisan (Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur).

Sumber: Internet



Gambar 2.2: Contoh Bangunan Warisan (Muzium Diraja Kedah - Istana Pelamin).

Sumber: Internet

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

2.2.1 Pemuliharaan Bangunan Warisan

Piagam Burra telah mendefinisikan pemuliharaan bangunan warisan ‘*The Australia ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance with Associated Guidelines and Code on the Ethics of Coexistence*’, merupakan langkah memulihara sesuatu tempat atau bangunan supaya kepentingan kebudayaannya dapat dikenalkan (*International Council on Monument and Site (ICOMOS)*, 1999). Menurut Chandler, I. (1991), pemuliharaan adalah usaha yang terbaik untuk memastikan sesebuah bangunan warisan bersejarah itu sentiasa dipulihara dan dijaga dengan baik serta dapat digunakan dan bertahan untuk tempoh jangka masa yang panjang. Bagi menghalang berlakunya kerosakan pada sesebuah bangunan, aspek pemuliharaan harus dititikberatkan. Aspek yang merangkumi semua langkah dalam memanjangkan usia warisan budaya dan semula jadi di negara kita (Fielden, B.M, 2000).

Pemuliharaan merupakan usaha dalam memulihara dan memelihara bangunan warisan bersejarah dengan baik dan teratur agar bangunan warisan dapat digunakan oleh generasi akan datang (Jabatan Muzium Malaysia, 2006). Menurut Garner, K (2008) pula, pemuliharaan bangunan warisan melibatkan kerja-kerja yang membaiki kerosakan elemen pada bangunan untuk memastikan bangunan tersebut kelihatan seperti bangunan asal. Pemuliharaan adalah usaha dalam mengelakkan sesebuah bangunan warisan bersejarah daripada berlakunya sebarang kemerosotan dan musnah. Ia juga merupakan satu langkah yang bertujuan untuk mengawal kemerosotan dan kemasuhan yang sedang dihadapi oleh bangunan warisan bersejarah. Pemuliharaan juga disebut sebagai tindakan yang boleh memanangkan tempoh hayat bagi sesebuah bangunan warisan bersejarah agar ia masih tersedia untuk generasi yang akan datang (Siti Norlizaiha Harun, 2004).

Menurut Nurwati Badarulzaman dan A Ghafar Ahmad (2001) proses pemuliharaan melibatkan proses kerja penjagaan dan pengekalan bangunan warisan bersejarah secara sistematis. Proses ini bertujuan untuk menghargai khazanah warisan seni bina, budaya dan sejarah yang ada. Pendekatan konservasi dalam pemuliharaan bangunan warisan bersejarah yang ada pada Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan Melaka masih kurang digunakan dan diamalkan berdasarkan prinsip kerja pemuliharaan yang sepatutnya seperti yang biasa diamalkan dikebanyakkan negara (Mukram Idris, 2005).

2.2.2 Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah

A Ghafar Ahmad (1994) menyatakan bahawa seni bina pada bangunan warisan telah memberikan gambaran perkembangan dari aspek sejarah yang telah terjadi di sesebuah negara yang mempunyai pengaruh reka bentuk kolonialnya. Ia juga membuktikan bahawa negara tersebut telah dijajah oleh kuasa-kuasa barat seperti Belanda, Portugis dan Inggeris pada ketika dahulu. Kemasukan daripada pelbagai negara dan kaum di Tanah Melayu telah mempengaruhi seni bina bangunan yang mempunyai unsur-unsur dari luar. Pada ketika dahulu negeri-negeri selat yang ada di Tanah Melayu telah disebut sebagai pusat perdagangan yang sangat terkenal dan berkembang. Kedatangan penjajah dan pedagang di Tanah Melayu, telah memberi kesan yang besar kepada budaya dan kesenian sehingga ia mempengaruhi seni bina bangunan yang terdapat di Tanah Melayu.

Seni bina Barat seperti gaya New Gothic, Gothic, Tudor, Moorish dan New Classic memiliki bentuk seni binanya yang tersendiri. Seni bina kolonial diperincikan pada bahagian menara, pintu, ruang dinding, tingkap dan tiang. Sementara itu, seni bina Melayu tradisional pula menampilkan reka bentuk yang menggunakan pengaruh seni bina daripada nusantara dan tempatan. Ukiran yang ada pada bahagian bumbung, tingkap, dan pintu telah menggambarkan bahawa terdapat beberapa tinggalan budaya masyarakat yang setempat (A Ghafar Ahmad, 1994). Menurut A Ghafar Ahmad (1997), identiti setiap bangunan warisan bersejarah yang ada di negara kita haruslah dipulihara bagi melindungi identiti warisan tempatan yang ada.

Menurut Raja Fuziah Raja Tun Uda (1990), terdapat satu warisan sejarah dan budaya yang unik dalam sesebuah bangunan warisan dan ia telah menarik perhatian orang ramai. Di sebalik wujudnya sesebuah bangunan warisan tersebut, terdapat banyak kisah atau sejarahnya yang tersendiri. Sejarah dari sudut reka bentuk seni binanya sehingga sejarah yang telah berlaku sepanjang kewujudannya. Kemusnahan atau kerosakan bangunan warisan boleh diselamatkan melalui proses pemuliharaan bangunan dan impak daripada pemuliharaan yang dilakukan ini dapat memberi kesempatan yang besar kepada generasi muda dalam mempelajari sejarah kehidupan manusia terdahulu dan budaya masyarakat. Generasi ini juga berpeluang dalam mengkaji setiap bangunan warisan bersejarah yang ada. Masyarakat dapat mengetahui dan mempelajari berkenaan sejarah yang ada pada bangunan warisan bersejarah. Bagi mereka yang mempunyai minat dengan pemuliharaan bangunan warisan, seni bina dan pertukangan, mereka akan berpeluang untuk mempelajarinya.

Di sebalik proses pemuliharaan pada bangunan warisan, terdapat pelbagai data dan maklumat berkenaan bangunan itu akan diketahui. Peninggalan bangunan warisan tersebut boleh dijadikan sebagai bukti sejarah untuk generasi akan datang dalam menghayati sejarah yang dipelajari. Seterusnya, jika wujudnya bangunan warisan ini, maka budaya bagi sesebuah masyarakat dapat dikenali dan dapat dilihat reka bentuk seni binanya. Generasi terkini akan lebih menghargai budaya negara sendiri kerana wujudnya bukti mengenai bangunan warisan yang ada (Jabatan Warisan Negara, 2009).

2.3 Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah

Sesebuah bangunan warisan bersejarah harus dipelihara dan dipulihara struktur kewujudannya. Pada era kolonial dahulu, terdapat pelbagai peristiwa bersejarah pada setiap bangunan warisan bersejarah. Setiap daripada bangunan ini, ia membawa pelbagai makna yang tersendiri. Menurut Mootar (2019) bangunan warisan bersejarah disebut sebagai suatu warisan yang mempunyai makna tersurat dan juga tersirat. Ia boleh dilihat dan disentuh dengan pancaindera, kewujudan bangunan warisan bersejarah ini juga dapat didalami dengan penuh bermakna dari artifak yang kecil kepada monumen dan tapak-tapak warisan bersejarah (Powell, 1994). Menurut Datel & Williams (1984), bermulanya sejarah sesebuah bangunan itu bermulalah sejarah pemuliharaan bangunan warisan bersejarah tersebut. Sejarah bagaimana bermulanya pemuliharaan atau pembalikan bangunan warisan bersejarah di Malaysia masih tidak dapat disahkan lagi. Hal ini berlaku kerana kurangnya pendedahan yang meluas daripada pihak-pihak yang berkenaan. Transformasi bangunan warisan bersejarah adalah perkara yang serupa seperti pemuliharaan atau pembalikan bangunan warisan bersejarah, perkara ini adalah untuk menjaga kelestarian warisan bersejarah yang ada

pada bangunan. Bangunan warisan bersejarah ini boleh dikatakan warisan negara yang tidak bernilai. Oleh itu, bangunan ini haruslah dipelihara dan dipulihara sebaik mungkin. Bangunan warisan bersejarah secara tidak langsung juga mempunyai potensi yang tinggi untuk dikomersialkan semula sekiranya bangunan ini ditransformasikan kepada satu bangunan yang memiliki fungsi yang baharu dan berlainan dari asalnya serta ia juga mempunyai kebaikannya tersendiri.

Akta Benda Purba (1976), menyatakan bahawa proses dalam kerja pemuliharaan seperti memulihara, melindungi, menyelidik, mengawal monumen dan tapak bersejarah adalah penting untuk dijadikan sumber maklumat bagi kajian mengenai sejarah dan juga budaya pada zaman dahulu. Perkara ini boleh dilihat dari nilai seni bina pada sesuatu bangunan yang boleh dijadikan sebagai sumber kajian warisan dan budaya. Dari sudut arkeologi pula, tembok kota dan keadaan kolonial pada zaman dahulu boleh dijadikan sebagai sumber maklumat bagi kajian penting kepada para pengkaji. Dalam mentransformasikan bangunan warisan bersejarah, terdapat beberapa langkah atau proses yang harus diambilkira. Perkara ini berkaitan dengan rupa bentuk dan struktur sesebuah bangunan itu sendiri. Menurut Yusuf et al. (2011) terdapat sesetengah bangunan yang diubah sedikit sahaja dan tidak perlu diubah secara menyeluruh.

2.3.1 Kepentingan Transformasi Terhadap Bangunan Warisan Bersejarah

Pada hari ini, kesedaran tentang kepentingan memulihara bangunan warisan bersejarah sangat membimbangkan, perkara ini dapat kita lihat pada beberapa bangunan warisan bersejarah yang telah berusia dan mengalami kerosakan atau kemerosotan. Selain itu, terdapat juga bangunan warisan bersejarah yang tidak diselenggara dengan baik. Bangunan tersebut terbiar dan menjadi usang yang disebabkan oleh kerosakan yang dialami bangunan itu sendiri (Ahmad, 2009). Hamilton & Md Ali (2002) berpendapat menyatakan bahawa terdapat bangunan warisan bersejarah yang hanya menunggu masa sahaja untuk hancur kerana kelalaian daripada pemiliknya sendiri dan ada juga bangunan yang dihancurkan untuk pembangunan semula serta tiadanya sifat yang prihatin dalam diri masyarakat dan pihak tertentu dalam memelihara bangunan ini.

Beberapa bangunan warisan bersejarah di negara kita berada dalam keadaan yang sangat tidak baik, dan ada diantaranya telah berusia lebih seratus tahun, langkah dalam membaikpulih bangunan warisan bersejarah ini sangat perlahan. Terdapat segelintir pihak memandang remeh perkara ini. Selain itu, kerja penyenggaraan bukanlah pilihan utama bagi sesetengah pihak terutamanya bagi mereka yang bekerja dalam industri pembinaan. Sesebuah bangunan harus mempunyai sistem pengurusan yang baik dan sistematik dengan membuat jadual secara berkala bagi melaksanakan kerja penyenggaraan mengikut jadual yang ditetapkan. Jika ia tidak dipraktikkan oleh pihak yang bertanggungjawab, suatu bangunan itu akan dengan mudahnya mengalami kemerosotan yang teruk dan ia akan menjadi terbiar. Oleh itu, bagi melindungi dan mengekalkan pelaburan pada organisasi pemilikan bangunan, penyenggaraan ini harus mempunyai pelan yang sistematik (Hamilton dan Md Ali, 2002).

i. Pelancongan

Sektor pelancongan adalah salah satu penyumbang yang utama kepada ekonomi negara, sebahagian daripadanya merupakan hasil transformasi sesebuah bangunan warisan bersejarah sedia ada. Proses pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan bersejarah memberi manfaat dalam meningkatkan ekonomi negara terutama melalui sektor pelancongan. Warisan bersejarah seperti monumen, bangunan dan tapak sejarah adalah salah satu faktor yang penting untuk membentuk produk pelancongan. Perkara ini dapat dilihat menjadi trend pada masa kini dimana terdapat kawasan mempunyai nilai sejarah menjadi tarikan para pelancong dari dalam dan luar negara. Bangunan warisan bersejarah yang telah diubah suai atau ditransformasikan ini telah menjadi satu tempat yang baharu dan lebih menarik seperti muzium, galeri, kafe, restoran, hostel dan pusat-pusat pelancongan.

Menurut Gordon dan Melville (1992), fungsi sesebuah bangunan yang telah diubahsuai guna adalah seperti daripada sebuah istana lama menjadi muzium, pejabat menjadi rumah kediaman, rumah kedai dijadikan kafe, bangunan industri dijadikan pusat pameran, rumah agam menjadi hotel, pejabat dijadikan kafe dan lain-lain (Mootar, 2019). Kebanyakannya perkara ini berjaya dilakukan di negara luar seperti Venice dan Pisa di Italy, Amsterdam di Belanda dan banyak lagi yang mentransformasikannya menjadi tempat pelancongan dalam proses mengekalkan bangunan warisan mereka. Langkah yang proaktif ini telah berjaya meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dari seluruh dunia. Pelancong yang mengunjung dapat menikmati keindahan negara, malah mereka dapat melawat ke bangunan warisan bersejarah yang pelbagai selain hanya melihat artifak yang terdapat di muzium.

ii. Pendidikan

Pada masa kini, pengekalan bangunan warisan bersejarah adalah penting dan mempunyai peranan yang besar dalam aspek pendidikan terutamanya bagi para pelajar dan para pengkaji atau penyelidik. Kewujudan bangunan warisan bersejarah ini memberi bantuan kepada mereka dalam menjalankan kajian berkaitan dengan bangunan warisan tersebut. Kehadiran bangunan ini juga dapat dijadikan sebagai lokasi untuk menjalankan kajian dan pada masa yang sama boleh dijadikan sebagai rujukan untuk memperolehi segala maklumat serta data yang diperlukan oleh para penyelidik dalam menyelesaikan kajian mereka. Pelajar sekolah juga dapat menambah ilmu pengetahuan mereka dengan mengikuti sebarang lawatan yang telah dianjur oleh pihak sekolah dan pihak pengangur luar. Selain itu, bagi pelajar universiti pula, mereka dapat menjalankan tugasan yang diberikan mengenai bangunan warisan bersejarah. Bangunan ini dapat dijadikan tempat kajian mereka dan juga dapat dijadikan tempat rujukan serta mereka boleh membuat tinjauan ke tempat tersebut. Bangunan warisan bersejarah ini sedikit sebanyak dapat memberi bantuan kepada pelajar melengkapkan tugasan atau kajian mereka.

Menurut Ahmad (1994), pada tahun 1909 terdapat bangunan warisan bersejarah seperti pancutan air Horse berdekatan dengan Dataran Merdeka dan Masjid Jamek telah dibina. Pancutan air Horse yang dibina pada tahun 1897 ini mempunyai kepentingannya tersendiri, pembinaan pancutan air adalah untuk memperingati seorang yang bergelar inspektor polis negeri Selangor, Encik Steve Harper. Dengan wujudnya pembinaan bangunan warisan bersejarah ini, kita dapat memahami dan mengetahui nilai kepentingan yang terdapat di pusat bandar Kuala Lumpur pada era kolonial British.

2.4 Kepentingan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah

Menurut Ahmad (1997), keunikan yang ada pada senibina bangunan warisan bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad (1897) di Kuala Lumpur dan Bangunan Stadthuys (1641-1660) di Melaka serta bangunan warisan bersejarah yang lain telah membuktikan negara Malaysia kaya dengan tinggalan sejarah yang tiada nilainya. Muzium Negara telah melakukan Kajian Inventori Bangunan-bangunan Warisan Malaysia pada tahun 1992 dan hasil kajian tersebut mendapati lebih 35,000 bangunan menghadapi perang di 265 buah bandar serta telah dikaji di seluruh negara dan ia wajar dipelihara dan dipulihara (Idid, 1995:6). Kesedaran berkenaan kepentingan dalam memulihara bangunan warisan bersejarah ini merupakan tanggungjawab yang besar dan perlu dipikul oleh semua pihak. Hal ini kerana bangunan warisan bersejarah mempunyai ciri-ciri senibina yang unik dan elemen estetik serta ia perlu diwarisi ke generasi yang akan datang. Oleh itu, usaha dalam memlihara bangunan warisan bersejarah adalah penting agar generasi muda terus mendapat peluang untuk menikmati dan menerokainya secara lebih mendalam.

Menurut Ahmad (1997), pemuliharaan bangunan warisan bersejarah mempunyai beberapa kepentingannya, antaranya:

- i. Bangunan warisan bersejarah mengandungi nilai senibina, estetik, arkeologi, simbolik, nostalgia, sejarah, dokumentari, ekonomi, politik dan juga sosial serta rohani.
- ii. Bangunan warisan bersejarah juga dapat memberi identiti dan imej rupa bentuk bandar dan pada budaya setempat.

- iii. Lokasi dan kawasan sekitar bangunan warisan bersejarah dapat menarik kedatangan para pelancong. Perkara ini dapat membebarkan sumbangan kepada perkembangan industri pelancongan negara.
- iv. Bangunan warisan bersejarah juga akan mengingatkan masyarakat kepada sejarah penjajahan pada zaman dahulu. Seterusnya, dapat menjadi teladan kepada generasi muda berkenaan sejarah tanah air dan menaikkan semangat patriotisme mereka.

2.4.1 Prinsip, Falsafah Dan Etika Pemuliharaan Bangunan Bersejarah

Prinsip asas dalam pemuliharaan bangunan warisan bersejarah yang termaktub dalam piagam antarabangsa sangat penting kepada semua pihak terutamanya bagi pihak yang berkaitan dan mempunyai tanggungjawab dalam pemuliharaan bangunan tersebut. Dalam prinsip ini, terdapat latar belakang etika dan falsafah digunakan dalam proses kerja pemuliharaan yang dianggap praktikal. Antara prinsip asas dalam pemuliharaan yang termaktub dalam piagam antarabangsa ini adalah seperti:

- i. Gangguan yang seminimum mungkin (minimal intervention) seperti yang termaktub dalam (Piagam Burra Artikel 3, 1979; Piagam New Zealand Artikel 4iii, 1992) “pemuliharaan merupakan proses kerja yang mengganggu kedudukan dan fabrik. Oleh itu, gangguan untuk penyelidikan dan kerja pemuliharaan mestilah paling minimum”.
- ii. Kehilangan fabrik paling minimum (minimal loss of fabric) seperti yang termaktub dalam (Deklarasi Deschambault Artikel V-C, 1982; Piagam New Zealand Artikel 4ii, 1992) “sebarang usaha dalam memulihara bangunan mestilah memastikan kehilangan yang paling minimum ke atas fabrik bangunan tersebut”.

iii. Kejelasan (legibility) seperti yang termaktub dalam (Piagam Venice Artikel 12, 1964; Piagam Burra Artikel 19-3, 1979) “sebarang kerja penggantian yang baharu ke atas bahagian banguna nyang hilang mestilah dapat dibezakan dengan yang bentuk asal bagi mengelakkan pemalsuan ke atas bukti sejarah yang ada”.

Menurut Fielden (1994:6), semua pihak yang bertanggungjawab dan terlibat dalam proses kerja pemuliharaan mesti mematuhi beberapa falsafah dan etika seperti:

- i. Sebelum memulakan kerja pemuliharaan, keadaan bangunan tersebut perlu direkodkan.
- ii. Bukti sejarah tidak boleh diusik, dipindahkan dan dimusnahkan.
- iii. Semua kerja yang dijalankan harus seminimum yang mungkin.
- iv. Sebarang pekerjaan yang dijalankan perlu dijaga dengan sebaik mungkin.
- v. Segala bahan dan kaedah yang diguna semasa melakukan rawatan haruslah dicatat sepenuhnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.5 Pendekatan Dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah

Pendekatan dalam proses pemuliharaan secara amnya tidak dapat dielakkan dari hilangnya nilai bangunan warisan bersejarah tersebut. Walaupun sekecil-kecilnya perubahan, perkara ini tidak dapat dielakkan. Namun, kerja pemuliharaan ini masih harus dijalankan dalam usaha demi melindungi keseluruhan objek bangunan warisan bersejarah untuk masa hadapan. (Fielden, 1994:8) Pemuliharaan lazimnya melibatkan pendekatan pada suatu bangunan warisan bersejarah dalam bentuk yang pelbagai dan ia bergantung keadaan fizikalnya, faktor kerosakan dan jangkaan terhadap sekeliling bangunan pada masa akan datang serta kaedah rawatan yang digunakannya. Setiap isu yang berlaku harus dititikberatkan secara lebih menyeluruh dengan menitikberatkan faktor terhadap persekitarannya.

Menurut Fielden (1994:8), terdapat lapan pendekatan yang kerap diguna dalam proses pemuliharaan. Antaranya adalah seperti pendekatan Pemuliharaan (*Conservation*), Pencegahan (*Prevention*), Pengekalan (*Preservation*), Pengukuhan (*Consolidation*), Pengembalian Semula (*Restoration*), Pemulihan (*Rehabilitation*), Pengeluaran Semula (*Reproduction*) dan Pembinaan Semula (*Reconstruction*). Selain itu, dalam satu kerja pemuliharaanyang dijalankan, terdapat pendekatan yang boleh digunakan secara serentak .

Jadual 2.1: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pemuliharaan (*Conservation*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pemuliharaan merupakan kerja memulihara bentuk sedia ada.
2.	Burden	2004	Pemuliharaan merupakan pengurusan bangunan warisan bersejarah untuk mencegah berlakunya kemusnahan, pereputan, pengabaian, penyalahgunaan dan ia juga merangkumi rakaman sejarah bangunan serta pendekatan yang telah digunakan sebelumnya.
3.	Fielden	1994	Pemuliharaan merupakan tindakan dalam mengelakkan berlakunya kereputan. Ia perlu menitikberatkan semua usaha yang boleh meneruskan hayat warisan budaya dan semula jadi. Perkara ini membolehkan sesuatu objek warisan itu dipersembahkan kepada mereka yang melihat dan menggunakan bangunan warisan bersejarah itu dan tertarik terhadap nilai seninya.
4.	Badan Warisan Malaysia	2006	Satu contoh kerja pendekatan pemuliharaan yang digunakan di Malaysia adalah Projek Pemuliharaan Rumah Kedai Era Belanda yang bertempat di Zon Warisan Melaka yang telah dijalankan pada Ogos 2001 ini dan telah siap sepenuhnya pada Mac 2005. Proses pemuliharaan telah berjaya dilakukan terhadap bangunan ini, ia telah mengekalkan ciri rekabentuk senibinanya yang asal dan perkara ini telah dijadikan bukti bangunan yang lama juga boleh dipulih pada satu tahap yang lebih tinggi serta dapat memanjangkan hayat dan fungsinya.

Jadual 2.2: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pencegahan (*Prevention*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pendekatan pencegahan dapat mencegah sesuatu daripada berlaku atau mengelaknya daripada melakukan sesuatu.
2.	DK Illustrated Oxford Dictionary	1998	Pendekatan pencegahan boleh mengelakkan sesuatu dari berlaku atau mencegah sesuatu tindakan dilakukan.
3.	Fielden	1994	Pendekatan pencegahan ini melibatkan usaha dalam melindungi bangunan warisan bersejarah melalui penjagaan persekitaran yang secara tidak langsung ia juga berpotensi mencegah agen kerosakan dan kereputan menjadi aktif. Pencegahan juga termasuk dalam mengawal tahap suhu, cahaya dan kelembapan dalaman dengan memenuhi kaedah pengurusan pemuliharaan yang baik dan sistematik melalui penelitian yang berkala dan penyenggaraan. Perkara ini adalah untuk mencegah berlakunya kemerosotan dan kerosakan bangunan warisan bersejarah.
4.	Prof. Madya Dr. A. Ghafar Ahmad dan Kamarul Syahril Kamal	2007	Satu contoh pendekatan pencegahan yang digunakan di Malaysia adalah seperti Projek Membaikpulih Stesen Keretapi Ipoh yang telah dijalankan pada tahun 2002 dan telah siap pada tahun 2007. Pencegahan ini juga termasuk dalam kerja pembersihan yang mencuci kepingan bumbung bangunan tersebut untuk terus mengekalkannya dalam bentuk yang asli.



Gambar 2.3: Stesen Keretapi Ipoh.

Sumber: Internet

Jadual 2.3: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengekalan (*Preservation*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pengekalan merupakan satu usaha untuk mengekalkan, memelihara dan untuk menghindari bangunan menjadi musnah.
2.	Burden	2004	Pengekalan merupakan penjagaan kewujudan bangunan, tidak mengubah sumber aslinya dan bangunan yang telah didiami sudah sekian lama. Ia juga termasuk dalam mengekalkan kekuahan bentuk asal, bahan binaan yang digunakan pada struktur bangunan dan menjaga tumbuhan di sekililingnya. Matlamat dalam pengekalan adalah untuk mengekalkan sesuatu dalam bentuk asalnya. Kerja pemuliharaan ini harus dilakukan dalam usaha mencegah kemerosotan terjadi pada masa akan datang.
3.	Fielden	1994	Satu contoh pendekatan pengekalan yang digunakan di Malaysia adalah Projek Cadangan Kerja-kerja Pemuliharaan Bangunan JKR (Blok A, B dan C) dan bangunan lain di kawasan Pejabat Daerah Lama Batu Gajah, Perak yang dijalankan pada tahun 2005 dan siap sepenuhnya pada tahun 2007. Dalam pendekatan pengekalan ini, proses kerja pengekalan telah dijalankan pada bangunan Mahkamah Batu Gajah. Kerja ini dijalankan adalah untuk mengekalkan ciri reka bentuk senibina bangunan asal tanpa sebarang kerja pengubahsuaian.




Gambar 2.4: Mahkamah Batu Gajah.

Sumber: Internet

UNIVERSITI
[redacted]
MALAYSIA
[redacted]
KELANTAN

Jadual 2.4: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengukuhan (*Consolidation*)

Bil.	Nama Peneyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pengukuhan menjadi kuat dengan cara menggabungkan atau menghubungkan sesuatu untuk menjadikannya lebih kukuh.
2.	Burden	2004	Pengukuhan merupakan komponen tambahan yang digunakan dalam memberikan bantuan tambahan bagi proses penyambungan seperti kuda-kuda.
3.	Fielden	1994	Pengukuhan merupakan penambahan dalam bentuk aplikasi atau fizikal yang menggunakan bahan tambahan atau bahan sokongan terhadap struktur asal. Tujuannya adalah untuk mengekalkan ketahanan dan kekuahan suatu bangunan tersebut.
4.	Ahmad	2006	Satu contoh pendekatan pengukuhan yang digunakan di Malaysia adalah seperti Projek Pemuliharaan pada Fort Cornwallis, Georgetown di Pulau Pinang. Bandar berusia lebih 200 tahun ini terdiri daripada tembok batu-bata, bilik tahanan, sebuah chapel dan stor penyimpanan peluru yang kini menjadi ruang galeri untuk pemeran. Projek pemuliharaan yang menggunakan pendekatan pengukuhan ini telah bermula pada awal tahun 2000 dan siap sepenuhnya pada bulan April 2001. Projek ini bertujuan untuk mengelakkannya daripada musnah dan ingin membangunkan kembali runtuhan kota yang terkubur. Proses pengukuhan ini telah dijalankan pada struktur bangunannya yang mengalami kerosakan seperti condong, retak dan ada sebahagian bangunan yang telah roboh.



Gambar 2.5: Fort Cornwallis, Georgetown, Pulau Pinang.

Sumber: Internet

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Jadual 2.5: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengembalian Semula (*Restoration*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pengembalian semula adalah pemulihan, pembentukan semula dan pengembalian sesuatu.
2.	Burden	2004	Pengembalian semula merupakan langkah untuk memperolehi bentuk dan perincian secara lebih tepat pada sesuatu objek semasa ia wujud dengan menggantikan bahan yang telah hilang dengan bahan yang baharu.
3.	Fielden	1994	Tujuan pengembalian semula adalah untuk memulihkan kembali konsep keaslian bangunan warisan bersejarah itu. Ia menitikberatkan rekabentuk asli, keaslian bahannya, bukti arkeologi dan rujukan yang betul.
4.	Badan Warisan Malaysia	2006	Sstu contoh pendekatan pengembalian semula yang digunakan di Malaysia adalah seperti Projek Pengembalian Semula Rumah Penghulu Abu Seman yang pada asalnya terletak di Kampung Sungai Kecil, Kedah dan kini ia telah berada di Jalan Stonor, Kuala Lumpur. Rumah ini dalam keadaan terbiar dan usang pada ketika itu. Proses kerja penanggalannya telah bermula pada bulan Mei 1996 dan telah siap sepenuhnya pada akhir tahun 1997. Projek pengembalian semula ini telah berjaya dalam mengembalikan fungsi dan keperluan rumah melayu tradisional terdahulu.



Gambar 2.6: Rumah Penghulu Abu Seman, Kuala Lumpur.

Sumber: Internet

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Jadual 2.6: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pemulihan (*Rehabilitation*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pemulihan merupakan pendekatan dalam usaha memulihkan sesuatu.
2.	Burden	2004	Pemulihan merupakan bangunan yang masih belum mencapai kualiti yang tinggi, ditambah baik menjadi berkualiti tinggi seperti yang sepatutnya. Ia melibatkan proses mengembalikan semula keadaan bangunan kepada satu tahap ia boleh digunakan dalam kerja pengubahsuaian dan pemberian, di samping dapat mengekalkan beberapa ciri bangunan seperti reka bentuk, nilai sejarah, dan budayanya.
3.	Fielden	1994	Proses pemulihan dijalankan dengan hanya sedikit pengubahsuaian pada fungsi bangunan tanpa ia menjelaskan keseluruhan bangunan dan reka bentuknya.
4.	Central Market Kuala Lumpur	2006	Satu contoh pendekatan pemulihan yang telah digunakan di Malaysia adalah seperti Projek Pemulihan Pasar Seni yang merupakan sebuah Pasar Borong di Kuala Lumpur pada ketika dahulu. Pada tahun 1980, bangunan pasar seni ini berjaya dipelihara sebelum ia dirobohkan. Seterusnya pada tahun 1985, kerja pemulihan telah bermula dengan mengekalkan seluruh fasad ‘Art Deco’ luarannya dan kerja-kerja pengubahsuaian yang meluas juga telah dijalankan pada bahagian dalam bangunan. Semenjak pembukaannya pada tahun 1986, projek pemulihan ini boleh dikatakan projek paling berjaya kerana telah menjadi tempat tumpuan para pelancong dari pelbagai negara.



Gambar 2.7: Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Sumber: Internet

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Jadual 2.7: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pengeluaran Semula (*Reproduction*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pengeluaran semula didefinasikan sebagai menyalin atau duplikasi.
2.	Burden	2004	Pengeluaran semula adalah pembuatan imej, pendua atau salinan daripada bahan asal.
3.	Fielden	1994	Pengeluaran semula meliputi penyalinan semula artifak. Tujuan proses ini adalah untuk mengganti bahagian-bahagian yang reput atau hilang agar nilai estetiknya terpelihara secara keseluruhan.
4.	Prof. Madya Dr. A. Ghafar Ahmad dan Kamarul Syahril Kamal	2007	Satu contoh pendekatan pengeluaran semula yang digunakan di negara ini adalah Projek Cadangan Pemuliharaan Bangunan Muzium Lama, Jalan Kota, Melaka. Melalui proses pendekatan ini, semua bahan binaan yang mengalami kemerosotan atau kecacatan telah dikenalpasti dahulu dan telah diuji makmal. Bahan binaan asalnya yang tidak mengalami kemerosotan dikekalkan dan bahan binaan yang rosak ditukar dengan yang baharu. Dalam pendekatan ini, sebarang penggantian yang dilakukan pada bahan binaan yang baharu harus dibezakan terlebih dahulu dengan yang bahan yang asli.

Jadual 2.8: Sorotan kajian lepas mengenai pendekatan Pembinaan Semula (*Reconstruction*)

Bil.	Nama Penyelidik	Tahun	Sorotan Kajian Lepas
1.	Kamus Oxford-Fajar	2004	Pembinaan semula merupakan satu usaha atau pembuatan untuk membina semula.
2.	Burden	2004	Pembinaan semula merupakan pembinaan yang baharu terhadap sesuatu yang telah musnah dan hilang, ia mengekalkan bentuk asalnya dari bahan binaan dan butiran asli.
3.	Fielden	1994	Pembinaan semula harus dilakukan jika sesebuah bangunan itu telah musnah akibat bencana yang berlaku seperti kebakaran, gempa bumi dan perang. Selain daripada faktor itu, pembinaan semula sedemikian tidak digalakkan. Pembinaan semula adalah bebas daripada faktor kronologi, tetapi harus merujuk kepada kerja dokumentasi mengenai bahan sejarah yang betul, bukan hanya tekaan semata-mata.
4.	Wikipedia	2006	Satu contoh pendekatan pembinaan semula yang digunakan di Malaysia adalah seperti Projek Pembinaan Semula Replika Istana Kesultanan Melayu Melaka di Bandar Hilir, Melaka. Pada abad ke-15, semasa zaman penjajahan Portugis bangunan ini telah musnah dibakar. Pada tahun 1984, bangunan ini telah dibina semula berdasarkan rekod sejarah Melayu yang menggambarkan keunikan yang ada pada senibina istana Melayu tersebut dan pada Julai 1986, ia telah dijadikan sebagai Muzium Budaya. Pembinaan semula bangunan ini dapat menunjukkan peranan dan fungsi istana ini pada zaman kgemilangan tamadun Melayu.



Gambar 2.8: Istana Kesultanan Melayu Melaka di Bandar Hilir, Melaka.


Sumber: Internet

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.6 Rumusan Bab

Sorotan kajian adalah penting dalam melakukan kajian penyelidikan. Sorotan kajian merupakan bahagian yang boleh mengetahui kajian-kajian lepas serta dapat membantu pengkaji untuk menambahkan lagi maklumat tentang tajuk kajian yang dilakukan. Sorotan kajian ini juga penting untuk dilakukan agar pengkaji dapat mengetahui dan menjadikan kajian lepas sebagai tambahan rujukan kepada pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian mempunyai fungsi dan peranan yang sangat penting dalam menghasilkan reka bentuk penyelidikan untuk membentuk persoalan dan objektif kajian. Ia juga berperanan dalam mendapatkan maklumat dan data yang berkait rapat dengan kajian supaya kajian yang dijalankan dapat menjawab pemasalahan kajian. Seterusnya, metodologi kajian ini dapat membantu pengkaji dan pembaca memahami kajian dengan lebih mendalam berkenaan dengan objektif penyelidikan. Reka bentuk kajian yang ada pada penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis data seperti data primer, data sekunder dan persempelan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dijalankan berdasarkan reka bentuk kajian seperti pengumpulan data dan analisis data..

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merangkumi kaedah keseluruhan yang telah dipilih bagi menjawab persoalan dan menangani isu kajian. Rekabentuk kajian ini meliputii jenis dan tujuan kajian, isu dan persoalan kajian, hipotesis dan boleh ubah kajian, pemprosesan maklumat dan data, kaedah pengumpulan, serta analisis dan laporan dapatan. Reka bentuk kajian akan menjadi pelan tindakan awal untuk menjalankan penyelidikan.

3.3 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang pengkaji pilih dalam kajian ini adalah kajian kes. Penyelidikan kajian akan menggunakan beberapa bukti yang didapati melalui sumber yang berlainan seperti temubual, pemerhatian dan sumber bukti daripada kajian lepas. Pengkaji ingin melakukan tinjauan ke Penjara Lama Jugra tersebut untuk mendapatkan data dan maklumat yang penting bagi menjawab objektif kajian ini. Seterusnya, Pengkaji juga telah melakukan penyelidikan dengan lebih terperinci di kawasan kajian tersebut dengan melakukan beberapa sesi temu bual bersama responden. Selain itu, pengkaji juga telah melakukan penulisannya setelah mendapat beberapa maklumat daripada responden.

3.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan suatu kaedah yang dilakukan secara individu atau berkumpulan. Kaedah ini bertujuan untuk menyelesaikan suatu tugasan kajian yang ingin dikaji. Jumlah kaedah kajian yang perlu dilakukan adalah bergantung kepada kaedah kajian yang telah digunakan untuk menyiapkan sepenuhnya suatu kajian tersebut. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif. Pengakaji telah menjalankan penyelidikan pemerhatian di tempat kajian dengan melakukan sesi temu bual dengan beberapa responden yang berdekatan dengan Penjara Lama Jugra tersebut. Pengkaji juga telah menganalisis sumber-sumber yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat secara lebih terperinci mengenai tapak warisan negara.

3.4.1 Kaedah Kualitatif

Pada asasnya kaedah kualitatif adalah kaedah kajian yang bersandarkan kepada perspektif responden yang ditemui bual, pengkaji menanyakan soalan yang umum dan luas kepada responden, mengumpul data dan maklumat dalam bentuk teks atau perkataan daripada responden, menganalisis dan menjelaskan perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk laporan. Kajian kualitatif ini tidak mematuhi spifikasi statistik dan dapatan kajian yang diperoleh tidak boleh digeneralisasikan. Namun kajian kualitatif ini sangat memberikan sumbangan yang sangat bermakna kepada setiap kajian yang dijalankan.

3.5 Teknik Pengumpulan Data

3.5.1 Primer

Data primer diperolehi daripada kaedah pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji. Kaedah pemerhatian ini dijalankan oleh pengkaji dalam mencari data dan maklumat yang lebih terperinci. Pengkaji melakukan tinjauan dengan melawat tempat kajian yang dipilih iaitu tapak warisan di Penjara Lama Jugra untuk mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam. Selain itu, pengkaji ingin mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

3.5.2 Sekunder

Data sekunder yang diperolehi dalam menjalankan penyelidikan ini adalah daripada perpustakaan dan laman web yang terdapat di Google. Data dan maklumat penting dan berilmiah kebanyakannya diperolehi daripada buku-buku atau jurnal yang berada di perpustakaan. Pengkaji telah merujuk beberapa artikel atau jurnal untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan ia juga dapat mengelakkan data yang diperolehi pengkaji terhadap sejarah tapak warisan ini diragui.

3.5.3 Persampelan

Pengkaji telah menggunakan teknik persampelan dalam kajian ini bagi mengumpul data dan maklumat berkenaan tapak warisan di Penjara Lama Jugra untuk menjawab objektif yang ingin dikaji. Pengkaji telah melakukan sesi temu bual bersama responden terpilih untuk menjawab bahan kajian yang disediakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan. Responden yang dipilih pengkaji dan layak untuk ditemu bual adalah seperti pekerja Muzium Insitu Jugra dan orang awam yang berumur antara 18-60 tahun. Perkara ini bertujuan untuk mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam dan mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah alat, perisian dan perkakasan yang digunakan untuk mengumpul data daripada sasaran kajian. Antaranya adalah seperti borang soal selidik, buku catatan, kamera, perakam suara, atau komputer dan penggunaan perisian.

3.6.1 Kajian Perpustakaan

Pengkaji mencari buku dan jurnal yang mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan di perpustakaan.

3.6.2 Internet

Pengkaji akan mencari bahan ilmiah yang mempunyai kaitan dengan pendekatan dalam kerja pemuliharaan bangunan warisan dan sebarang bahan rujukan yang mempunyai persamaan dengan objektif kajian.

3.6.3 Kaedah Temu Bual

Pengkaji akan menemu bual beberapa pengunjung dan masyarakat sekitar serta berusaha untuk menemu bual dengan pekerja dari Muzium Insitu Jugra tersebut.

3.6.4 Kaedah Pemerhatian

Pengkaji akan turun ke lapangan untuk merekodkan lokasi terletaknya Penjara Lama Jugra.

Pengkaji ingin mengkaji nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra.

Pengkaji juga ingin mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra dan mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam.

3.6.5 Kaedah Fotografi

Pengkaji akan mengambil gambar Muzium Insitu Jugra tersebut sepanjang kajian lapangan dijalankan dengan menggunakan kamera telefon.

3.7 Analisis Data

Objektif Kajian	Pendekatan Kajian	Huraian
Mengkaji nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra.	1. Kajian Ilmiah 2. Temu bual 3. Pemerhatian	<p>Kajian Ilmiah Melayari laman web yang menjalankan kajian berkaitan dengan Penjara Lama Jugra dan mencari sumber yang berkaitan.</p> <p>Temubual Mengadakan sesi menemu bual pengunjung dan pekerja di Muzium Insitu Jugra tersebut.</p> <p>Pemerhatian Turun ke tapak kajian untuk mencari dan merekod maklumat berkaitan dengan Penjara Lama Jugra.</p>
Mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra.	1. Kajian Ilmiah 2. Pemerhatian	<p>Kajian Ilmiah Melayari laman web yang menjalankan kajian berkaitan dengan pendekatan dalam kerja pemuliharaan bangunan warisan dan mencari sumber yang berkaitan.</p> <p>Pemerhatian Turun ke tapak kajian untuk mencari dan merekod maklumat berkaitan dengan Penjara Lama Jugra.</p>
Mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam.	1. Pemerhatian 2. Temu Bual 3. Soal Selidik	<p>Pemerhatian Turun ke tapak kajian untuk mencari dan merekod maklumat berkaitan dengan Penjara Lama Jugra.</p> <p>Temubual Mengadakan sesi menemu bual pengunjung dan pekerja di Muzium Insitu Jugra tersebut.</p> <p>Soal selidik Menyediakan borang soal selidik untuk dijawab oleh pengunjung dan masyarakat sekitar.</p>

3.8 Rumusan Bab

Metodologi kajian merupakan kaedah kajian yang digunakan untuk memastikan objektif kajian yang ditetapkan berjaya dijawab. Metodologi kajian yang digunakan pengkaji adalah seperti kaedah pengumpulan data, instrumen kajian dan analisis data seperti data primer, data sekunder dan persempelan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan berkenaan dengan dapatan kajian yang telah diperolehi berdasarkan ketiga-tiga objektif yang dikaji. Pengkaji telah mendapatkan maklumat untuk objektif kajian yang pertama, iaitu berkenaan dengan nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra menggunakan kaedah temu bual, kajian ilmiah dan fotografi. Pengkaji telah menemu bual Encik Jangi bin Zaimin yang merupakan Pembantu Muzium Kanan Muzium Insitu Jugra. Selain itu, pengkaji juga telah melayari laman web untuk mencari maklumat tambahan berkenaan dengan nilai kepentingan warisan yang ada pada bangunan ini dan pengakaji telah mengambil beberapa gambar untuk dijadikan bahan rujukan kajian.

Seterusnya, objektif kedua telah diperolehi dengan menggunakan kaedah kajian ilmiah dan pemerhatian bagi mengenalpasti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra.. Pengkaji telah melayari laman web yang menjalankan kajian berkaitan dengan pendekatan dalam kerja pemuliharaan bangunan warisan dan mencari sumber yang berkaitan. Selain itu, pengkaji telah menjalankan kajian dengan turun ke tapak kajian, iaitu di Muzium Insitu Jugra untuk mencari dan merekod maklumat berkaitan dengan Penjara Lama Jugra.

Objektif yang ketiga pula, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik bagi mengetahui tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam. Pengkaji telah turun ke tapak kajian di Muzium Insitu Jugra untuk mencari dan merekod maklumat secara lebih terperinci berkaitan dengan tahap keberkesanan pemuliharaan bangunan tersebut terhadap orang awam. Selain itu, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik secara atas talian dalam bentuk *Google Forms* melalui pengaksesan link URL. Penggunaan kaedah ini adalah bagi memudahkan responden untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Tinjauan yang digunakan dalam penyediaan borang soal selidik ini adalah dengan merujuk kepada jadual *Krejcie & Morgan* (1970). Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik sebanyak 260 set. Jumlah borang soal selidik tersebut diedarkan dengan berdasarkan kepada anggaran bilangan pelawat yang melawat ke Muzium Insitu Jugra selama sebulan, iaitu seramai 800 orang pelawat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Analisis Demografi Informan

Informan merupakan orang yang memberikan keterangan atau maklumat secara terperinci berdasarkan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji, ia juga disebut sebagai pemberi maklumat. Selain itu, informan juga merupakan pihak yang dianggap sebagai salah satu sampel dalam sesuatu penelitian dalam melakukan penyelidikan. Maklumat yang diperoleh daripada informan ini hanya digunakan pada objektif pertama dan ketiga sahaja. Terdapat tiga orang informan yang telah terlibat dalam kajian ini. Ia terdiri daripada seorang pekerja di Muzium Insitu Jugra dan dua orang pengunjung Muzium Insitu Jugra. Informan-informan tersebut terdiri dalam lingkungan umur 20 tahun sehingga 50 tahun yang mana mereka terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang wanita.

Jadual 4.1: Maklumat Informan Yang Terlibat Dalam Kajian.

Bil.	Nama Informan	Jawatan Informan	Tarikh Temubual
1.	Encik Mohd Jangi Bin Zaimin	Pembantu Muzium Kanan	07 Disember 2022
2.	Cik Maisyarah	Pengunjung Muzium Insitu Jugra	05 Disember 2022
3.	Cik Nur Farah Hanim	Pengunjung Muzium Insitu Jugra	07 Disember 2022

4.3 Dapatan Kajian 1: Nilai Kepentingan Warisan Yang Terdapat Pada Penjara Lama Jugra.

4.3.1 Nilai Sejarah

Menurut sumber daripada informan pertama (Encik Mohd Jangi Bin Zaimin, 2022), nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Penjara Lama Jugra adalah dari segi sejarah bangunannya. Penjara Lama Jugra atau Balai Polis Lama Jugra atau juga pernah dikenali sebagai Rumah Pasung telah ditubuhkan oleh Kapten Harry Charles Syers yang merupakan pengawai polis British pada tahun 1878. Ketika bangunan ini telah siap dibina, ia diberi nama Rumah Pasung kerana pada ketika itu anggota polis tidak tertubuh lagi dan hanya ada Hulubalang yang disebut sebagai pendekar. Setelah tertubuhnya anggota polis yang pertama, barulah nama bangunan ini ditukar menjadi Penjara Lama Jugra atau Balai Polis Lama Jugra.



Gambar 4.1: Kapten Harry Charles Syers

Sumber: Internet


Bangunan ini dibina bertujuan untuk menjaga keselamatan dan mengawal aktiviti harian penduduk setempat khasnya menahan pesalah-pesalah yang melakukan jenayah. Ia dilengkapi dengan lokap bagi menempatkan banduan dan digunakan sehingga tahun 1890 apabila Penjara Pudu telah dibina. Hukuman yang dikenakan kepada pesalah-pesalah adalah seperti hukum pasung dan pancung.



Gambar 4.2: Lokap Bagi Menempatkan Banduan.

Sumber: Internet

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 4.3: Ruang Tempat Menyimpan Senjata.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.4: Keadaan Di Dalam Ruang Penyimpanan.

Sumber: Berita Harian

Kata beliau lagi, bangunan yang mempunyai dua tingkat ini berperanan sebagai Rumah Pasung sehingga pentadbiran Selangor berpindah ke Klang pada tahun 1882. Rumah Pasung ini telah membuktikan bahawa masyarakat pada zaman pemerintahan Sultan Sir Abdul Samad hidup di bawah pentadbiran kerajaan yang mempunyai undang-undang sebagai satu sistem keadilan. Perpindahan pemerintahan Sultan Sir Abdul Samad daripada Jugra ke Klang menyebabkan fungsi Rumah Pasung semakin berkurangan. Hal ini kerana sebuah balai polis baru telah dibina di Teluk Datuk pada tahun 1929, berikutan dengan ramai penduduk telah membuka kawasan baru di sana.




Gambar 4.5: Rumah Pasung.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

4.3.2 Nilai Arkeologi

Hasil daripada pemerhatian dan kajian yang dijalankan oleh pengkaji di Muzium Insitu Jugra, nilai kepentingan kedua yang ada pada bangunan ini adalah dari segi arkeologi. Satu penyelidikan arkeologi telah dilakukan oleh Lembaga Muzium Selangor di sekitar kawasan bangunan Penjara Lama Jugra ini pada pertengahan tahun 2001 sehingga awal tahun 2002. Hasil daripada jumpaan penyelidikan tersebut, struktur-struktur bangunan Penjara Lama Jugra yang telah tertimbus wujud kembali seperti longkang, tangga batu, lantai, saluran paip serta perigi. Dalam penyelidikan arkeologi ini, terdapat juga artifak-artifak daripada logam dan seramik telah dijumpai.



Gambar 4.6: Penyelidikan Ekskavasi Arkeologi di Penjara Lama Jugra.


Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

Kerja- kerja arkeologi yang dijalankan pada tahun 2001 telah menjumpai tangga batu yang tertimbus akibat runtuhan tanah daripada lereng bukit. Terdapat 68 anak tangga yang diperbuat daripada batu granite dan ia merupakan struktur awal yang dibina berbanding dengan bangunan penjara lama disebelahnya. Tangga batu bersaiz 290 sentimeter panjang dan 50 sentimeter lebar ini dipercayai sebagai jalan untuk menghubungkan bangunan-bangunan penting yang terletak di bahagian atas seperti bangunan Pejabat Daerah Lama, Stor Peluru dan Kuarters Polis.



Gambar 4.7: Tangga Batu.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.8: Pejabat Daerah Lama.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.9: Stor Peluru.


Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

Selain itu, terdapat dua perigi yang telah dijumpai ketika kerja-kerja arkeologi dijalankan. Perigi pertama yang diberi nama perigi lama telah dijumpai pada tahun 2001-2002 dan di dalam perigi lama ini terdapat serpihan seramik, butang baju polis, duit syiling dan bahan binaan yang membuktikan bahawa perigi lama ini digunakan sebagai sumber bekalan air tawar kepada penghuni penjara dan pedagang-pedagang yang singgah ke Jugra. Perigi yang mempunyai kedalaman 2.76 meter ini tidak lagi digunakan dan hanya dijadikan sebagai tinggalan sejarah untuk tatapan generasi akan datang.



Gambar 4.10: Perigi Lama.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.11: Jumpaan Seramik Semasa Aktiviti Arkeologi Dijalankan.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.12: Jumpaan Syiling Semasa Aktiviti Arkeologi Dijalankan.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

Perigi kedua pula telah dijumpai pada tahun 2003 semasa kerja-kerja arkeologi dijalankan. Perigi ini mempunyai ukuran lilit sepanjang 3.72 meter serta 2.4 meter dalam. Perigi ini juga berkemungkinan digunakan oleh anggota polis pada ketika itu untuk mencuci pakaian seragam mereka berikutan dengan jumpaan butang-butang pakaian seragam polis di kawasan berdekatan. Menurut penduduk di kawasan Jugra, perigi ini dipercayai telah wujud sebelum kedatangan Inggeris lagi dan ianya tidak pernah kering walaupun berlaku kemarau di kawasan sekitarnya.



Gambar 4.13: Perigi.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

4.3.3 Nilai Estetik

Muzium Insitu Jugra ini juga mempunyai nilai estetik yang tinggi, ia terkenal dengan keunikan rekabentuk bangunannya yang dibina menggunakan batu pejal (granit) yang terdapat di kawasan tersebut. Batuan ini dipotong menjadi empat segi untuk membentuk struktur bangunan tersebut supaya ia menjadi lebih kukuh dan teguh. Bangunan ini mempunyai dua tingkat. Di dalam bahagian bangunan ini terdapat mahkamah yang terletak di tingkat atas dan penjara di tingkat bawah. Pada 19 November 2002, ia telah diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara.



Gambar 4.14: Batu Pejal (Granite) Yang Digunakan.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

4.4 Dapatan Kajian 2: Pendekatan Yang Digunakan Dalam Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Hasil pemerhatian daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji di Muzium Insitu Jugra, mendapati bahawa pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan Penjara Lama Jugra ini adalah pendekatan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*). Penyesuaian (Adaptive) atau dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan JWN disebut sebagai "Penyesuaian Semula" (*Adaptive-reuse*), adalah kerja-kerja mengubah suai fungsi dan kegunaan bangunan lama kepada yang baharu, tetapi masih mengekalkan bentuk dan ciri-ciri bangunan yang asal. Sebelum kerja-kerja ubahsuai fungsi dilakukan, butiran bangunan seperti penggunaan ruang asal dan ciri-ciri elemen mestilah direkodkan. Lukisan terukur "measured drawing" dan lukisan binaan baharu mestilah disediakan bertujuan merekod perubahan pada bangunan.

Konservasi bagi Penjara Lama Jugra ini telah dilaksanakan pada Februari 2002. Konservasi bangunan ini adalah bertujuan untuk digunakan semula (*adaptive-reuse*) dan akan dijadikan sebagai Muzium Insitu Jugra. Kerja-kerja konservasi ini dijalankan dengan mengikuti garis panduan konservasi bangunan dan monumen lama iaitu Venice Charter (1964), Australian Burra Charter (1979) dan ICOMOS Burra Charter (1980). Prinsip-prinsip utama yang digunakan semasa perlaksanaan kerja-kerja ini adalah seperti membaikpulih seni bina bangunan mengikut yang asal, membaikpulih monumen dengan menggunakan bahan binaan asal dan akhir sekali adalah memelihara fungsi dan penggunaan semula bangunan lama berdasarkan pada garis panduan yang telah ditetapkan.

Sebelum bangunan ini dipulihara ia merupakan sebuah penjara yang diberi nama Penjara Lama Jugra. Bangunan ini mempunyai dua tingkat. Bahagian tingkat atasnya merupakan mahkamah dan di bahagian bawahnya pula merupakan penjara bagi pesalah yang telah disabitkan kesalahan ke atasnya. Bangunan ini telah dipakai menjadi penjara hingga tahun 1890 kerana pada ketika itu penjara Pudu telah dibina. Penjara Lama Jugra ini merupakan sebuah bangunan yang mempunyai fungsi sebagai tempat untuk menjalankan hukuman bagi pesalah-pesalah menerusi sistem yang telah digunakan kehakiman British pada ketika itu. Selain menjadi tempat tahanan sementara kepada pesalah, bangunan ini juga dipercayai pernah dijadikan sebagai tempat menjalankan hukuman gantung.



Gambar 4.15: Keadaan Penjara Lama Jugra Ketika Dijumpai Oleh Ahli Arkeologi Muzium Negeri Selangor.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

Pada tahun 2000, Penjara Lama Jugra ini telah dijumpai oleh ahli arkeologi Muzium Negeri Selangor. Proses kerja pemuliharaan menggunakan pendekatan "Penyesuaian Semula" (*Adaptive-reuse*) telah dimulakan pada penjara ini dan pada bulan Disember tahun 2007 ia telah dibuka dan dijadikan sebagai Muzium Insitu Jugra oleh pihak Lembaga Muzium Selangor (PADAT). Muzium Insitu Jugra telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Y.B Tan Sri Dato' Sri Mohd Khalid Ibrahim pada 24 Mac 2012.



Gambar 4.16: Setelah Dipulihara Menjadi Muzium Insitu Jugra.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

Muzium Insitu Jugra ini mempunyai tiga buah balai pameran, iaitu Galeri A, Galeri B, dan Galeri C yang mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan dengan sejarah pemerintahan Sultan Selangor, maklumat berkenaan daerah Kuala Langat, maklumat berkenaan dengan proses pemuliharaan bangunan ini, maklumat mengenai hasil kerja penggalian atau ekskavasi di persekitaran muzium seperti strukur bagi binaan mahkamah mini, penjara dan perigi.



Gambar 4.17: Galeri A Yang Mempamerkan Pelbagai Maklumat Berkaitan Dengan Sejarah Pemerintahan Sultan Selangor Dan Sejarah Daerah Kuala Langat.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.18: Galeri B Yang Mempamerkan Pelbagai Maklumat Berkaitan Dengan Proses Konservasi Bangunan Hasil Kerja Penggalian Atau Ekskavasi.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022



Gambar 4.19: Galeri C Yang Mempamerkan Pelbagai Maklumat Berkaitan Dengan Monumen-Monumen Bersejarah Di Daerah Kuala Langat.

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

Muzium Insitu Jugra ini juga mempunyai tapak pameran khas yang mempamerkan sebuah kereta perisai (GMC 15 CWT) di luar bangunan. Pada sekitar tahun 1948-1960 kereta perisai ini digunakan oleh Polis Persekutuan Tanah Melayu pada zaman darurat. Kereta perisai ini merupakan tarikan utama pelancong atau pengunjung sekitar dan ia diletakkan di bahagian hadapan muzium.



Gambar 4.2: Kereta Perisai (GMC 15 CWT).

Sumber: Kajian Lapangan, 05 Disember 2022

4.5 Dapatan Kajian 3: Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam.

4.5.1 Analisis Data Temu Bual

Menurut sumber dari informan kedua (Cik Maisyarah, 2022), tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra ini sangat berkesan terhadap orang awam. Hal ini dikatakan demikian kerana Penjara Lama Jugra yang kini telah menjadi Muzium Insitu Jugra telah menjadi muzium yang memaparkan sejarah berkenaan dengan Jugra pada zaman British, sejarah Kesultanan Selangor, sejarah Kuala Langat, sejarah bangunan dan juga mempamerkan hasil ekskavasi arkeologi. Maklumat-maklumat dan artifak yang dipamerkan di muzium ini sangat memberi manfaat kepada orang awam yang mengunjung terutama bagi para pelajar dan penyelidik.

Menurut sumber dari informan ketiga (Cik Nur Farah Hanim, 2022) pula, tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra ini sangat berkesan terhadap orang awam. Katanya, jika pemuliharaan ini tidak berkesan kepada orang awam, pihak kerajaan tidak akan berani untuk mengambil risiko yang tinggi dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan terhadap bangunan. Hal ini dikatakan demikian kerana kos pemuliharaan yang dijalankan sangat tinggi dan mengambil masa yang agak lama untuk melakukan kajian terhadap bangunan sebelum ia dipulihara dengan sepenuhnya.

4.5.2 Analisis Data Soal Selidik

Dapatan kajian dari borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A (Profil Demografi Responden), Bahagian B (Pengetahuan Responden) dan Bahagian C (Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Ini Sangat Berkesan Terhadap Orang Awam).

4.5.3 Bahagian A: Profil Demografi Responden

Dapatan kajian dari aspek profil demografi responden meliputi:-


1. Jantina
2. Umur
3. Pekerjaan
4. Bangsa
5. Status

4.5.3.1 Demografi Responden Berdasarkan Jantina

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden berdasarkan jantina. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.2: Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	79	30.4
Perempuan	181	69.6
Jumlah	260	100



Rajah 4.1: Peratus Responden Berdasarkan Jantina


Berdasarkan **Rajah 4.1**, seramai **260 orang** responden (**100%**) telah terlibat dalam kajian ini. Terdiri daripada **79 orang** responden **Lelaki** yang mewakili **30.4 %** dan **181 orang** responden **Perempuan** yang mewakili **69.6%** daripada jumlah keseluruhan reaponden. Secara keseluruhan, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan **Perempuan**.

4.5.3.2 Demografi Responden Berdasarkan Umur

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden berdasarkan umur. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.3: Taburan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
19 tahun ke bawah	73	28.1
20 hingga 39 tahun	166	63.8
40 hingga 59 tahun	21	8.1
60 tahun ke atas	0	0
Jumlah	260	100



Rajah 4.2: Peratus Responden Berdasarkan Umur


Berdasarkan **Rajah 4.2**, responden tertinggi yang telah terlibat dalam kajian ini adalah dari golongan lingkungan umur **20 hingga 39 tahun** yang berjumlah **166 orang** responden mewakili sebanyak **63.8%**. Bagi responden kedua tertinggi pula adalah responden dari kalangan lingkungan umur **19 tahun ke bawah** yang berjumlah **73 orang** responden mewakili sebanyak **28.1%**. Seterusnya, bagi jumlah responden ketiga tertinggi pula adalah dari golongan lingkungan yang berumur **40 hingga 59 tahun** yang berjumlah **21 orang** responden yang bersamaan dengan **8.1%**. Secara keseluruhan, majoriti responden yang telah terlibat dalam kajian penyelidikan ini adalah dari golongan lingkungan umur **20 hingga 39 tahun**.

4.5.3.3 Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden berdasarkan pekerjaan. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.4: Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Sektor Kerajaan	21	8.1
Sektor Swasta	56	21.5
Pelajar	182	70
Fresh Graduate	1	0.4
Jumlah	260	100



Rajah 4.3: Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan


Berdasarkan **Rajah 4.3** di atas, jumlah responden tertinggi yang telah terlibat dalam menjalankan kajian ini adalah responden dari kalangan **Pelajar** iaitu seramai **182 orang** pelajar yang mewakili peratus sebanyak **70%**. Seterusnya, jumlah responden kedua tertinggi adalah dari responden yang bekerja dalam **Sektor Swasta** iaitu seramai **56 orang** responden yang mewakili **21.5%**. Bagi responden ketiga tertinggi pula adalah dari kalangan responden yang bekerja dalam **Sektor Kerajaan** iaitu seramai **21 orang** yang mewakili **8.1%**. Akhir sekali, jumlah responden yang paling sedikit adalah daripada responden **Fresh Graduate** iaitu **hanya seorang** sahaja yang mewakili **0.4%** sahaja. Secara keseluruhan, majoriti responden yang telah terlibat dalam kajian ini adalah dari kalangan **Pelajar**.

4.5.3.4 Demografi Responden Berdasarkan Bangsa

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden berdasarkan bangsa. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.5: Taburan Responden Berdasarkan Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	216	83.1
Cina	17	6.5
India	23	8.8
Dusun	3	1.2
Bajau	1	0.4
Jumlah	260	100



Rajah 4.4: Peratus Responden Berdasarkan Bangsa


Berdasarkan **Rajah 4.4** di atas, jumlah responden tertinggi yang terlibat dalam kajian ini adalah dari kalangan responden berbangsa **Melayu** yang berjumlah **216 orang** responden yang mewakili sebanyak **83.1%**. Bagi responden kedua tertinggi pula yang terlibat dalam kajian ini adalah responden berbangsa **India** iaitu seramai **23 orang** responden yang mewakili sebanyak **8.8%**. Seterusnya, bagi responden yang berbangsa **Cina**, jumlah responden yang terlibat adalah seramai **17 orang** responden yang bersamaan dengan **6.5%**. Bagi responden yang berbangsa dusun, seramai **3 orang** responden telah terlibat yang mewakili sebanyak **1.2%**. Manakala bagi responden berbangsa **Bajau**, hanya seorang responden sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhan, majoriti responden yang telah terlibat dalam kajian penyelidikan ini adalah terdiri daripada responden yang berbangsa **Melayu**.

4.5.3.5 Demografi Responden Berdasarkan Status

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden berdasarkan status. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.6: Taburan Responden Berdasarkan Status

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Bujang	216	83.1
Berkahwin	44	16.9
Jumlah	260	100



Rajah 4.5: Peratus Responden Berdasarkan Status

Berdasarkan **Rajah 4.5**, jumlah responden tertinggi yang terlibat dalam kajian ini adalah dari kalangan responden **Bujang** yang berjumlah **216 orang** responden yang mewakili sebanyak **83.1%** dan seramai **44 orang** responden berkahwin yang mewakili sebanyak **16.9%** daripada jumlah keseluruhan responden. Secara keseluruhan, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah berstatus bujang.


4.5.4 Bahagian B: Analisis Pengetahuan Responden

4.5.4.1 Responden Yang Pernah Dan Tidak Pernah Mengunjungi Muzium Insitu Jugra.

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden yang pernah dan tidak pernah mengunjungi Muzium Insitu Jugra. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.7: Taburan Responden Yang Pernah Dan Tidak Pernah Mengunjungi Muzium Insitu Jugra, Banting.

Pernah	Bilangan	Peratus (%)
Ya	171	65.8
Tidak	89	34.2
Jumlah	260	100



Rajah 4.6: Peratus Responden Yang Pernah Dan Tidak Pernah Mengunjungi Muzium Insitu Jugra, Banting.

Berdasarkan **Rajah 4.6**, jumlah responden yang **pernah** mengunjungi Muzium Insitu Jugra adalah tinggi berbanding dengan responden yang **tidak pernah** mengunjungi Muzium Insitu Jugra. Jumlah responen yang **pernah** mengunjungi Muzium Insitu Jugra ini adalah seramai **171 orang** responden yang bersamaan dengan **65.8%**. Manakala bagi responden yang **tidak pernah** mengunjungi Muzium Insitu Jugra pula adalah seramai **89 orang** responden yang mewakili sebanyak **34.2%**. Secara keseluruhan, jumlah responden yang **pernah** mengunjungi Muzium Insitu Jugra lebih ramai daripada yang **tidak pernah**.


4.5.4.2 Pengetahuan Responden Mengenai Muzium Insitu Jugra Sebelum Ini Merupakan Penjara Lama Jugra

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden yang mengetahui mengenai Muzium Insitu Jugra sebelum ini merupakan Penjara Lama Jugra. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.8: Taburan Pengetahuan Responden Mengenai Muzium Insitu Jugra Sebelum Ini Merupakan Penjara Lama Jugra

Pengetahuan	Bilangan	Peratus (%)
Ya (Tahu)	211	81.2
Tidak	49	18.8
Jumlah	260	100

2. Adakah anda tahu Muzium Insitu Jugra sebelum ini merupakan Penjara Lama Jugra?
260 responses



Rajah 4.7: Peratus Pengetahuan Responden Mengenai Muzium Insitu Jugra Sebelum Ini Merupakan Penjara Lama Jugra


Berdasarkan **Rajah 4.7**, jumlah responden yang **tahu** mengenai Muzium Insitu Jugra sebelum ini merupakan Penjara Lama Jugra adalah tinggi berbanding dengan responden yang **tidak tahu** mengenainya. Jumlah responen yang **mengetahuinya** adalah seramai **211 orang** responden yang bersamaan dengan **81.2%**. Manakala bagi responden yang **tidak tahu** mengenai Muzium Insitu Jugra ini pernah menjadi Penjara Lama Jugra pula adalah seramai **49 orang** responden yang mewakili sebanyak **18.8%**. Secara keseluruhan, jumlah responden yang **tahu** mengenai Muzium Insitu Jugra sebelum ini merupakan Penjara Lama Jugra lebih ramai daripada yang **tidak mengetahuinya**.

4.5.4.3 Pengetahuan Responden Mengetahui Mengenai Kewujudan Muzium Insitu Jugra

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden yang mengetahui kewujudan Muzium Insitu. Berikut merupakan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 4.9: Taburan Pengetahuan Responden Mengetahui Mengenai Kewujudan Muzium Insitu Jugra.

Pengetahuan	Bilangan	Peratus (%)
Media Cetak	2	0.8
Media Sosial	149	57.3
Rakan-rakan	105	40.4
Keluarga	4	1.5
Jumlah	260	100



Rajah 4.8: Peratus Pengetahuan Responden Mengetahui Mengenai Kewujudan Muzium Insitu Jugra.

Berdasarkan **Rajah 4.8** di atas, jumlah responden tertinggi yang mengetahui mengenai kewujudan Muzium Insitu Jugra adalah daripada **media sosial**. Jumlahnya adalah seramai **149 orang** yang bersamaan dengan **57.3%**. Bagi jumlah responden kedua tertinggi pula yang mengetahui mengenai kewujudan Muzium Insitu Jugra adalah daripada **rakan-rakan** yang berjumlah **105 orang** responden dan mewakili sebanyak **40.4%**. Seterusnya, ketiga tertinggi yang mengetahui mengenai kewujudan Muzium Insitu Jugra adalah daripada **keluarga** yang berjumlah **4 orang** responden bersamaan dengan **1.5%**. Akhir sekali, bagi jumlah responden yang paling sedikit mengetahui mengenai kewujudan Muzium Insitu Jugra adalah daripada **media cetak**, iaitu hanya **2 orang** responden sahaja yang mewakili sebanyak **0.8%**. Secara keseluruhan, majoriti responden yang mengetahui mengenai kewujudan Muzium Insitu Jugra adalah daripada **media sosial**.

4.5.5 Dapatan Kajian 3: Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam


Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan skala Likert pada sesetengah soalan. Pada soalan 1 dan 3 pengkaji menggunakan skala yang meliputi skala 1 hingga 5 bagi mewakili setiap nombor seperti Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). . Bagi soalan 5 pula, pengkaji menggunakan skala yang meliputi skala 1 hingga 5 bagi mewakili setiap nombor seperti Sangat Tidak Berkesan (STB), Tidak Berkesan (TB), Kurang Berkesan (KB), Berkesan (B) dan Sangat Berkesan (SB)

4.5.5.1 Proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra menjadi Muzium Insitu Jugra ini berkesan terhadap orang awam.

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden yang bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra menjadi Muzium Insitu Jugra ini berkesan terhadap orang awam.

Jadual 4.10: Taburan Responden Berdasarkan Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Menjadi Muzium Insitu Jugra Ini Berkesan Terhadap Orang Awam.

Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
Proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra menjadi Muzium Insitu Jugra ini berkesan terhadap orang awam.	0	0	54	180	26



Rajah 4.9: Graf Responden Berdasarkan Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Menjadi Muzium Insitu Jugra Ini Berkesan Terhadap Orang Awam.

Berdasarkan kepada **Rajah 4.9** diatas, pengkaji mendapati bahawa hanya seramai **26 orang** responden sahaja **Sangat Setuju (SS)** dengan pernyataan proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra menjadi Muzium Insitu Jugra ini berkesan terhadap orang awam. Seterusnya, seramai **180 orang** responden **Setuju (S)** dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa para responden tersebut mempunyai keyakinan yang tidak seberapa tinggi dalam keberkesanan proses pemuliharaan ini. Manakala, terdapat **54 orang** responden yang **Kurang Setuju (KS)** dengan pernyataan tersebut. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa para responden tidak begitu yakin dengan keberkesanan proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra menjadi Muzium Insitu Jugra.

4.5.5.2 Perubahan yang paling ketara daripada hasil pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti perubahan yang paling ketara daripada hasil pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Jadual 4.11: Taburan Responden Berdasarkan Perubahan Yang Paling Ketara Daripada Hasil Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Perubahan Yang Paling Ketara Daripada Hasil Pemuliharaan Bangunan Penjara Lama Jugra	Bilangan	Peratus (%)
Seni Bina Bangunan	228	87.7
Fungsi Bangunan	193	74.2
Bangunan Terpelihara	214	82.3
Persekutaran Menjadi Lebih Baik	185	71.2
Tidak Tahu	1	0.4



Rajah 4.10: Graf Responden Berdasarkan Perubahan Yang Paling Ketara Daripada Hasil Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Berdasarkan **Rajah 4.10** di atas, jumlah responden tertinggi dalam dapatan kajian mengenai perubahan yang paling ketara daripada hasil pemuliharaan bangunan ini adalah **seni bina bangunannya** yang sedikit berubah. Jumlahnya adalah seramai **228 orang** responden bersamaan dengan **87.7%**. Seterusnya, perubahan yang paling ketara daripada hasil pemuliharaan bangunan kedua tertinggi adalah bangunan **terpelihara dengan baik**, iaitu seramai **214 orang** responden yang bersamaan dengan **82.3%**. Bagi jumlah responden ketiga tertinggi perubahan daripada hasil pemuliharaan bangunan pula adalah **fungsi bangunannya** yang berubah daripada penjara menjadi muzium. Jumlahnya adalah seramai **193 orang** responden bersamaan dengan **74.2%**. Perubahan daripada hasil pemuliharaan bangunan keempat yang tertinggi adalah **persekitaran bangunan menjadi lebih baik**. Jumlahnya adalah seramai **185 orang** responden, iaitu bersamaan dengan **71.2%**. Akhir sekali, bagi jumlah responden yang paling sedikit adalah hanya **seorang sahaja** yang **tidak mengetahui** perubahan daripada hasil pemuliharaan bangunan ini. Secara keseluruhan, majoriti responden memilih perubahan yang paling ketara daripada hasil pemuliharaan bangunan adalah **seni bina bangunannya** yang sedikit berubah daripada bangunan asalnya.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5.5.3 Pendekatan pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) memberi manfaat yang baik kepada masyarakat sekeliling.

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti bilangan responden yang bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan pendekatan pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) memberi manfaat yang baik kepada masyarakat sekeliling.

Jadual 4.12: Taburan Responden Berdasarkan Pendekatan Pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) Memberi Manfaat Yang Baik Kepada Masyarakat Sekeliling.

Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
Pendekatan pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (<i>Adaptive-Reuse</i>) memberi manfaat yang baik kepada masyarakat sekeliling.	0	0	62	155	42



Rajah 4.11: Graf Responden Berdasarkan Pendekatan Pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) Memberi Manfaat Yang Baik Kepada Masyarakat Sekeliling.

Berdasarkan kepada **Rajah 4.11** diatas, pengkaji mendapati bahawa hanya seramai **42 orang** responden sahaja **Sangat Setuju (SS)** bahawa pendekatan pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) memberi manfaat yang baik kepada masyarakat sekeliling. Seterusnya, seramai **155 orang** responden **Setuju (S)** bahawa pendekatan pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) memberi manfaat yang baik kepada masyarakat sekeliling. Ini menunjukkan bahawa para responden tersebut mempunyai keyakinan yang tidak seberapa tinggi dalam manfaat yang diperolehi masyarakat sekeliling daripada penggunaan pendekatan pemuliharan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*). Manakala, terdapat **62 orang** responden yang memilih **Kurang Setuju (KS)** bagi pernyataan tersebut. Kenyataan ini boleh disimpulkan bahawa responden tersebut tidak begitu yakin dengan pendekatan pemuliharaan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) ini mampu memberi manfaat yang baik kepada masyarakat sekeliling.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5.5.4 Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti manfaat yang diperolehi masyarakat sekeliling daripada proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Jadual 4.13: Taburan Responden Berdasarkan Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.	Bilangan	Peratus (%)
Mengetahui Sejarah Bangunan	236	90.8
Dapat Menjadikan Sebagai Tempat Pendidikan	229	88.1
Dapat Memupuk Semangat Patriotisme	133	51.2



Rajah 4.12: Graf Responden Berdasarkan Manfaat Yang Diperoleh Masyarakat Sekeliling Daripada Proses Pemuliharaan Bangunan Ini.

Berdasarkan **Rajah 4.12** di atas, jumlah responden tertinggi dalam dapatan kajian mengenai manfaat yang diperoleh masyarakat sekeliling daripada proses pemulihraan bangunan ini adalah masyarakat **dapat mengetahui sejarah bangunan** tersebut. Jumlahnya adalah seramai **236 orang** responden bersamaan dengan **90.8%**. Seterusnya, jumlah responden kedua tertinggi berkenaan dengan manfaat yang akan diperoleh masyarakat sekeliling daripada proses pemulihraan bangunan adalah ia **dapat dijadikan sebagai tempat pendidikan atau penyelidikan**, iaitu seramai **229 orang** responden yang bersamaan dengan **88.1%**. Akhir sekali, bagi jumlah responden yang paling sedikit adalah seramai **133 orang** responden yang bersamaan dengan **51.2%** memilih bangunan ini **dapat memupuk semangat patriotisme masyarakat**. Secara keseluruhan, majoriti responden memilih manfaat yang masyarakat sekeliling peroleh adalah mereka **dapat mengetahui sejarah bangunan** tersebut yang dipamerkan di dalam galeri Muzium Insitu Jugra yang telah dipulihara.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5.5.5 Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Jugra Ini Terhadap Orang Awam.

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam.

Jadual 4.14: Taburan Responden Berdasarkan Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Jugra Ini Terhadap Orang Awam.

Pernyataan	STB	TB	KB	B	SB
Tahap Keberkesan Pemuliharaan Penjara Jugra Ini Terhadap Orang Awam.	0	2	35	194	29



Rajah 4.13: Graf Responden Berdasarkan Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Jugra Ini Terhadap Orang Awam.

Berdasarkan kepada **Rajah 4.13** diatas, pengkaji mendapati bahawa hanya seramai **29 orang** responden sahaja mengatakan tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama ini Sangat **Berkesan (SB)** terhadap orang awam. Seterusnya, seramai **194 orang** responden mengatakan keberkesanan pemuliharaan ini **Berkesan (B)** terhadap orang awam. Ini menunjukkan bahawa para responden tersebut mempunyai keyakinan yang tidak seberapa tinggi dalam keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra ini terhadap orang awam. Manakala, terdapat **35 orang** responden yang memilih **Kurang Berkesan (KB)** dan hanya **2 orang** responden sahaja mengatakan **Tidak Berkesan (TB)** bagi pernyataan tersebut. Kenyataan ini boleh disimpulkan bahawa responden tersebut tidak begitu yakin dengan keberkesanan proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra ini terhadap orang awam.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.6 Rumusan Bab

Hasil dapatan kajian yang telah diperoleh daripada kaedah pemerhatian, temu bual dan kajian ilmiah yang dijalankan oleh pengkaji amatlah penting dalam menjawab segala persoalan dan juga objektif yang dikaji. Begitu juga dengan aspek yang telah dikemukakan dalam borang soal selidik dan data-data yang diperoleh daripadanya. Melalui data-data yang diperolehi ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini telah memberikan tindak balas yang baik dan positif dalam menjawab setiap persoalan dan juga pernyataan yang telah diajukan oleh pengkaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN & CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan secara lebih ringkas dan padat mengenai kajian yang dipilih iaitu berkaitan dengan keberkesanan pengurusan pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat, Selangor beserta dengan kesemua dapatan yang telah diperoleh berdasarkan kajian yang telah dijalankan dan dibincangkan dalam bab sebelumnya. Perbincangan ini terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan yang dibuat ini adalah sebagai satu ukuran kepada keberkesanan dapatan maklumat yang telah diperoleh semasa pengkaji berada dalam proses untuk menyiapkan kajian ini. Melalui perkara tersebut, pengkaji juga akan menggariskan beberapa cadangan berkaitan dengan kajian lanjutan yang boleh digunakan oleh pengkaji yang seterusnya sebagai satu bentuk kesinambungan kajian serta refleksi terhadap kajian yang dijalankan dengan secara menyeluruh.

5.2 Perbincangan

Pada bahagian ini, ia dibahagikan kepada tiga bahagian yang merangkumi tiga analisis berbeza berdasarkan kepada objektif kajian. Pengkaji akan membincangkan dapatan analisis bagi menjawab setiap objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Pengkaji juga akan menghuraikan dapatan maklumat yang telah diperoleh hasil daripada tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji.

5.2.1 Perbincangan Objektif Kajian 1: Nilai Kepentingan Warisan Yang Terdapat Pada Penjara Lama Jugra.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa bangunan Penjara Lama Jugra yang telah dipulihara menjadi Muzium Insitu Jugra ini masih mempunyai nilai kepentingan warisannya tersendiri. Hasil daripada sesi temu bual yang dijalankan oleh pengkaji dengan informan pertama (Encik Mohd Jangi Bin Zaimin, 2022) mendapati bahawa nilai kepentingan yang ada pada bangunan ini adalah seperti nilai sejarah bangunan tersebut yang pernah menjadi Rumah Pasung pada zaman pemerintahan Sultan Sir Abdul Samad. Penjara Lama Jugra ini adalah penjara yang pertama yang telah dibina di negeri Selangor dan ia telah dibina oleh Kapten Charles Syers yang merupakan pegawai polis British pada tahun 1878. Penjara ini membuktikan bahawa sejak awal pemerintahan lagi negeri Selangor telah menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama. Bangunan ini berfungsi sebagai mahkamah dan juga tempat untuk menjalankan hukuman bagi pesalah-pesalah menerusi sistem yang telah digunakan kehakiman British pada ketika itu. Bangunan ini juga dipercayai pernah dijadikan sebagai tempat menjalankan hukuman gantung.

Selain itu, hasil daripada kaedah pemerhatian yang dijalankan pengkaji, terdapat juga nilai arkeologi pada bangunan ini. Penyelidikan ekskavasi arkeologi pernah dijalankan oleh Lembaga Muzium Selangor di sekitar kawasan Penjara Lama Jugra ini pada pertengahan tahun 2001 sehingga awal tahun 2002. Hasil daripada penyelidikan yang dijalankan ini, struktur-struktur bangunan yang tertimbus tanah berjaya ditemukan semula seperti tangga, longkang, lantai dan juga saluran paip. Dalam penyelidikan ini, terdapat juga jumpaan artifak-artifak seperti duit syiling dan seramik. Tujuan penyelidikan ini dijalankan oleh Lembaga Muzium Selangor adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat atau data-data secara menyeluruh mengenai sejarah Negeri Selangor semasa pemerintahan di Jugra dan juga ingin mendapatkan maklumat-maklumat baru mengenai sejarah Kesultanan Selangor. Selain itu, ia dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kegiatan komuniti sekitar Jugra. Seterusnya, mereka juga ingin mengkaji ciri-ciri seni bina bangunan lama dan monumen lain yang terdapat di Jugra. Akhir sekali, tujuan yang terpaling penting adalah untuk memastikan khazanah silam yang sangat bernilai ini dapat dipulihara agar ianya tidak musnah bersama arus pembangunan untuk tatapan generasi akan datang.

Akhir sekali, hasil daripada kajian ilmiah yang dijalakan oleh pengkaji, terdapat juga nilai estetik pada bangunan ini. Bangunan ini mempunyai keunikannya tersendiri, bahan binaan yang digunakan adalah batu pejal (granit) berbentuk empat segi dan pembinaannya menggunakan teknologi baharu yang moden. Penjara Lama Jugra ini mempunyai dua tingkat. Bahagian tingkat atasnya merupakan mahkamah dan di bahagian bawahnya pula merupakan penjara bagi pesalah yang telah disabitkan kesalahan ke atasnya.

5.2.2 Perbincangan Objektif Kajian 2: Pendekatan Yang Digunakan Dalam Pemuliharaan Penjara Lama Jugra.

Hasil daripada kaedah pemerhatian dan kajian ilmiah yang dijalankan oleh pengkaji, pendekatan yang digunakan dalam proses pemuliharaan Penjara Lama Jugra adalah menggunakan pendekatan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*). Penyesuaian semula merupakan kerja-kerja mengubah suai fungsi bangunan lama kepada yang baharu. Namun, masih mengekalkan bentuk dan ciri-ciri bangunan asal. Pemuliharaan ini adalah bertujuan untuk penyesuaian semula atau diguna semula dan dijadikan Muzium Insitu Jugra. Prinsip utama semasa proses pemuliharaan ini dilaksanakan adalah membaikpulih monumen mengikut yang asal dan memelihara fungsi serta penggunaan semula bangunan lama berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Penjara Lama Jugra ini telah dijumpai oleh ahli arkeologi Muzium Negeri Selangor pada tahun 2000. Proses pemuliharaan yang menggunakan pendekatan ‘Penyesuaian Semula’ (*Adaptive-Reuse*) telah dimulakan pada bangunan ini dan pada hujung tahun 2007, ia telah dibuka oleh pihak Lembaga Muzium Selangor (PADAT).

5.2.3 Perbincangan Objektif Kajian 3: Tahap Keberkesanan Pemuliharaan Penjara Lama Jugra Terhadap Orang Awam.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap keberkesanan pemuliharaan Penjara Lama Jugra terhadap orang awam adalah berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil daripada sesi temubual pengkaji dengan informan kedua (Cik Maisyarah, 2022) dan ketiga (Cik Nur Farah Hanim, 2022) mendapati bahawa proses pemuliharaan yang dijalankan atas Penjara Lama Jugra menjadi Muzium Insitu Jugra sangat berkesan terhadap orang awam. Kata mereka, Muzium Insitu Jugra ini dapat memberi manfaat yang baik kepada orang awam terutamanya kepada para pelajar dan pengkaji. Muzium ini mempunyai pelbagai maklumat berkenaan dengan sejarah-sejarah yang ada di Kuala Langat. Terdapat juga artifik-artifik yang dipamerkan hasil daripada penyelidikan ekskavasi arkeologi.

Selain itu, berdasarkan kepada hasil dapatan soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden pula mendapati bahawa para responden yang menjawab kajian ini lebih cenderung bersetuju atas pernyataan proses pemuliharaan ini berkesan terhadap orang awam. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak manfaat yang dapat diperolehi daripada proses pemuliharaan ini. Antaranya mereka dapat mengetahui dan belajar berkenaan dengan sejarah bangunan, dapat menjadikan sebagai tempat pendidikan dan ia juga dapat memupuk semangat Patriotisme orang awam.

Kesan yang paling ketara yang dapat dilihat daripada proses pemuliharaan ini adalah seperti seni bina bangunannya yang sedikit berubah, fungsi bangunannya yang berubah daripada penjara menjadi muzium, bangunannya yang terpelihara dan akhir sekali adalah persekitaran bangunan tersebut menjadi lebih baik daripada sebelum proses pemuliharaan dijalankan. Maklum balas yang positif telah diterima oleh pengkaji. Setiap responden yang bersetuju dengan pernyataan yang dinyatakan di dalam borang soal selidik ini mendapati bahawa kebanyakkan responden mengetahui sedikit sebanyak berkenaan dengan bangunan ini. Jika dilihat kepada hasil dapatan soal selidik tersebut, majoriti responden yang menjawab soal selidik bagi kajian ini merupakan golongan belia yang masih lagi bergelar seorang pelajar di peringkat universiti.

5.3 Rumusan

Hasil daripada perbincangan, pengkaji telah mendapati bahawa metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian keberkesanan pengurusan pemuliharaan Penjara Lama Jugra di Kuala Langat, Selangor adalah berhasil dan berkesan. Melalui kaedah temu bual yang telah dijalankan bersama dengan informan, kaedah ini sememangnya dapat membantu pengkaji dalam memperoleh segala maklumat bagi objektif yang pertama dan ketiga dalam kajian. Bagi objektif ketiga pengkaji juga menggunakan kaedah pengumpulan data yang memerlukan responden untuk mengisi borang soal selidik. Berdasarkan kepada penggunaan kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui tahap pengetahuan responden mengenai soalan yang diajukan. Seterusnya, bagi objektif kedua pula, pengkaji hanya menggunakan kaedah pemerhatian dan melakukan kajian ilmiah. Pengkaji mendapatkan maklumat di melalui laman web yang menerangkan sedikit sebanyak berkaitan dengan objektif tersebut. Pengkaji juga telah pergi mengunjungi tapak kajian untuk mencari dan merekod maklumat secara lebih lanjut.

Secara keseluruhannya, melalui dapatan kajian yang telah dikumpul ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa analisis yang telah dilakukan dalam Bab 4 bagi ketiga-tiga objektif utama ini memperlihatkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada golongan perempuan dan kebanyakannya ia terdiri daripada golongan para pelajar yang berumur 20 hingga 39 tahun. Hasil daripada dapatan kajian ini juga menunjukkan majoriti bangsa yang mengunjungi dan mengetahui kewujudan Penjara Lama Jugra ini adalah mereka yang berbangsa Melayu.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang telah dijalankan ini telah memberi gambaran bahawa pengetahuan terhadap sejarah awal bangunan Penjara Lama Jugra yang mendalam perlulah diketahui memandangkan bangunan tersebut merupakan sebuah bangunan yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Oleh kerana fokus utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui keberkesanan pengurusan pemuliharaan Penjara Lama Jugra maka pada kajian yang seterusnya, penelitian terhadap sejarah bangunan Penjara Lama Jugra ini perlulah dijalankan serta diambil kira dengan lebih mendalam sebelum mana-mana pihak menjalankan sebarang kerja-kerja yang melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan ini. Perkara ini adalah untuk mengetahui keadaan sebenar bangunan dan sekaligus untuk mengelakkan berlakunya kesalahan sewaktu menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan.

Cadangan kajian lanjutan yang seterusnya adalah dengan melaksanakan kajian berkenaan dengan potensi bagi melestarikan Muzium Insitu Jugra sebagai tapak arkeo pelancongan. Hal ini kerana, bangunan ini mempunyai nilai arkeologinya yang tersendiri. Di Muzium Insitu Jugra ini terdapat pelbagai hasil galian yang telah ditemui ketika penyelidikan ekskavasi arkeologi dijalankan. Oleh kerana kawasan di persekitaran bangunan Muzium Insitu Jugra ini pernah menjalankan aktiviti ekskavasi arkeologi, kajian mengenai mengkaji potensi dan usaha melestarikan bangunan menjadi tapak arkeo pelancongan boleh dijalankan. Jika hasil kajian yang akan dijalankan mendapati tempat ini berpotensi menjadi tempat arkeo pelancongan, ia akan memberikan manfaat yang baik kepada negara kerana ia boleh menarik pelancong-pelancong dari luar datang melawat tempat bersejarah ini.

Cadangan kajian lanjutan yang ketiga pula adalah melaksanakan kajian berkaitan dengan pengetahuan masyarakat tentang Muzium Insitu Jugra ini. Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa pengetahuan masyarakat sekitar muzium ini tidak memuaskan. Kebanyakan pengunjung adalah dari negeri lain. Oleh itu, kajian berkenaan dengan pengetahuan masyarakat tentang Muzium Insitu Jugra ini haruslah dilaksanakan agar ia diketahui oleh lebih ramai orang lagi terutamanya dari sekitar muzium tersebut. Pengkaji boleh menggunakan media massa yang merupakan satu alternatif yang terbaik bagi memperkenalkan Muzium Insitu Jugra ini kepada masyarakat setempat dan juga penduduk dari negeri lain. Di mana pada masa kini penggunaan media massa sangat berleluasa digunakan oleh semua peringkat umur.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.5 Rumusan Bab

Bab ini membincangkan tentang hasil penemuan dalam kajian yang dijalankan dan kesesuaianya dalam memberi jawapan kepada objektif kajian yang dinyatakan. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi didikan kepada semua pihak tentang kepentingan pengurusan pemuliharaan bagi memelihara kawasan bersejarah. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada semua orang tentang kepentingan menjaga bangunan bersejarah terutama dalam kalangan masyarakat khususnya kepada anak muda dan masyarakat sekitar Penjara Lama Jugra atau Muzium Insitu Jugra ini agar mereka mengetahui sejarah di tempat mereka di Kuala Langat, Selangor itu sendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bibliografi

Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi & Noria Tugang (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. Diakses pada 17 Mei 2022. Dimuat turun dari <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/881/631/>

Zainuddin Baco (1881-2012). Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu. Diakses pada 19 Mei 2022. Dimuat turun dari <http://eprints.ums.edu.my/id/eprint/31237/>

Rosniza Aznie Che Rose & Nur Athirah Khalid (2017). Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan. Diakses pada 19 Mei 2022. Dimuat turun dari <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/articleview.php?id=107944>

Daeng Haliza Daeng Jamal1 & Zuliskandar Ramli (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. Diakses pada 21 Jun 2022. Dimuat turun dari <http://jurnalarticle.ukm.my/17653/>

Siti Nor Fatimah Binti Zuraidi (2014). Model Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah. Diakses pada 21 Jun 2022. Dimuat turun dari <Https://Core.Ac.Uk/Download/Pdf/42954764.Pdf>

Jabatan Warisan Negara (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. Diakses pada 23 Jun 2022. Dimuat turun dari <https://khairulhkamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>

Nur Nasiha Muhamad Hasani & Shahariah Norain Shaharuddin (2020). Pemuliharaan Terhadap Struktur Bangunan Istana Jahar Sebagai Bangunan Warisan Di Kelantan: Satu Tinjauan Awal. Diakses pada 23 Jun 2022. Dimuat turun dari <http://journal.umk.edu.my/index.php/teniat/article/view/298>

Mohamad Azrul Shari (2006). Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Lama. Kajian Kes: Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, Johor. Diakses pada 3 Julai 2022. Dimuat turun dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/17919/>

Nurul Nadia Binti Afandi (2010). Pemuliharaan Dan Kos Baik Pulih Bangunan Lama Di Pulau Pinang. Diakses pada 3 Julai 2022. Dimuat turun dari <http://bic.utm.my/files/2018/04/NURUL-NADIA-AFANDI.pdf>

Mohd Qawien Bin Mootar (2019). Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang. Diakses pada 4 Julai 2022. Dimuat turun dari <http://eprints.usm.my/48361/1/Pemuliharaan%20Bangunan%20Warisan%20Dari%20Aspek%20Sejarah%20di%20George%20Town%2C%20Pulau%20Pinang.pdf%20cut.pdf>

Kamarul Syahril Kamal & Prof. Madya Dr. A. Ghafar Ahmad (2007). Pendekatan dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Umum. Diakses pada 3 Julai 2022. Dimuat turun dari <http://buildingconservation.blogspot.com/2007/03/pendekatan-dalam-kerja-pemuliharaan.html>

Hafiz Ithnin (2023). Pelancongan Arkeologi. Diakses pada 10 Disember 2022. Dimuat turun dari <https://www.hmetro.com.my/santai/2018/10/382471/pelancongan-ardeologi>

Johar, S., Sherron, T., & Mohammad, N. (2022). Penyesuai Gunaan Semula Rumah Kedai Lama di Jalan Mendaling, Kajang - Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Kejuruteraan, si5(1)*, 111–121. Diakses pada 13 Disember 2022. Dimuat turun dari [https://doi.org/10.17576/jkukm-2022-si5\(1\)-12](https://doi.org/10.17576/jkukm-2022-si5(1)-12)

Daeng Jamal, D. H., & Ramli, Z. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2). Diakses pada 13 Disember 2022. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-35>

Naemah. (2020, October 3). #MenarikDiKualaLangat&Klang-Muzium Insitu Jugra | Menarik di Central. Diakses pada 17 Disember 2022. Dimuat turun dari <https://central.menarikdi.com/2020/10/03/muzium-insitu-jugra/>

Saiful Ramli. (2017, November 18). Pendekatan Pemuliharaan. Diakses pada 17 Disember 2022. Dimuat turun dari [http://historicbuildingconservation.blogspot.com/2017/11/pendekatan-pemuliharaan.html#:~:text=Penyesuaian%20\(Adaptive\)%20atau%20di%20dalam,ciri%2Dciri%20bangunan%20yang%20asal](http://historicbuildingconservation.blogspot.com/2017/11/pendekatan-pemuliharaan.html#:~:text=Penyesuaian%20(Adaptive)%20atau%20di%20dalam,ciri%2Dciri%20bangunan%20yang%20asal).

LAMPIRAN



Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI (*Our Ref.*) : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 3 (80)
TARIKH (*Date*) : 19 SEPTEMBER 2022

Muzium Insitut Jugra @ Penjara Jugra
Kampung Permatang Pasir, Jugra Lama
42700 Banting
Selangor

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Nur Liana Binti Firdaus	C19A0539	991126106362	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)



Temubual bersama Encik Mohd Jangi Bin Zaimin yang merupakan Pembantu Kanan Muzium pada 07 Disember 2022



Pengkaji menjalankan kajian dengan kaedah pemerhatian dan temubual di Muzium Insitu Jugra pada 05 Disember 2022